


Kandungan

- 2**
UMT SEPINTAS LALU
- 4**
FALSAFAH, VISI DAN MISI
- 4**
OBJEKTIF, NILAI-NILAI LESTARI DAN SLOGAN
- 10**
CARTA ORGANISASI
- 15**
CANSELOR
- 17**
PRO-CANSELOR
- 18**
PIHAK BERKUASA UNIVERSITI
Lembaga Pengarah Universiti
Senat
Pengurusan UMT
- 25**
LAPORAN NAIB CANSELOR
- 35**
KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN
- 41**
TERAS 1 : BAKAT AKADEMIK
- 49**
TERAS 2 : PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
- 61**
TERAS 3 : PENYELIDIKAN DAN INOVASI
- 79**
TERAS 4 : PEMINDAHAN ILMU
- 87**
TERAS 5 : PEMANTAPAN CITRA
- 113**
SUMBER MANUSIA
- 127**
PEMBANGUNAN PELAJAR
- 149**
LAPORAN KEWANGAN





UMT Sepintas Lalu

1 Februari 2007

Universiti Malaysia Terengganu wujud hasil penjenamaan semula Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

20 Jun 2001

KUT dinamakan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) selaras dengan hasrat kerajaan untuk memajukan bidang sains dan teknologi.



5 Mei 1999

Penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri sebagai Kampus Bersekutu UPM. Bermula 1 Mei 2001, KUT telah diberi kuasa autonomi.

1979

Pusat Perikanan dan Sains Samudera, Universiti Putra Malaysia (UPM) mula beroperasi pada tahun 1979 di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu. Ia menyediakan kemudahan latihan kepada pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah.



FALSAFAH

Ilmu dan amal yang berpadu berlandaskan keimanan kepada Allah adalah tonggak kepada usaha universiti menyediakan modal insan yang berwibawa untuk kesejahteraan sejagat.

VISI


Universiti berfokus maritim terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global.

MISI

Menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam.

OBJEKTIF

- Memperkasa Bakat Akademik
- Memastikan Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran
- Pengukuhan Penyelidikan dan Inovasi
- Memacu Pemindahan Ilmu
- Memantapkan citra UMT





NILAI-NILAI TERAS UMT

GHAIRAH KEPADA KEBENARAN

Nilai teras ini berhasrat untuk memupuk kepercayaan yang tinggi terhadap kebenaran. Kepercayaan ini perlu dijelmakan dalam proses pencarian ilmu (penyelidikan), penyampaian ilmu (pengajaran) dan perkongsian serta pemindahan ilmu.

MENGEJAR KECEMERLANGAN

Kecemerlangan merupakan 'kualiti tertinggi' yang boleh dicapai oleh individu atau institusi pada saat sumbangannya disampaikan. Ia berkait rapat dengan iltizam tinggi, keupayaan intelek dan pengalaman. Jika keupayaan menyumbang dipertingkatkan, kecemerlangan juga akan terus meningkat.

PEMERKASAAN KEPIMPINAN AKADEMIK

Ahli akademik adalah pemimpin ilmu kepada diri, pelajar dan masyarakat. Kepimpinan ilmu tidak terhad pada tahap universiti (tempatan), tetapi perlu terus dipertingkatkan ke tahap kebangsaan dan global. Kepimpinan akademik (ilmuwan) bersifat sejagat, berintegriti tinggi dan menjadi asas kepada kewibawaan akademik.





MENGHORMATI KEPELBAGAIAN KESERAKANAN

Keserakanan bermaksud semua ahli akademik atau ilmuwan. Mereka mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang ilmu. Oleh itu, profesion akademik walaupun mempunyai fungsi dan matlamat yang sama, mereka berbeza dalam latar belakang pendidikan dan kepelbagaian ilmu. Dalam konteks ini, memahami dan menghormati kepelbagaian keserakanan merupakan asas kepada kesatuan akademik berbudaya cemerlang.

MENYEMAI KECINTAAN ALAM

Nilai Ini menuntut setiap warga untuk menanam kepercayaan mendalam tentang kepentingan menjaga alam sekitar, warisan tabii dan penggunaan sumber asli secara lestari.

An underwater photograph showing a vibrant coral reef. In the foreground, there are various types of coral, including branching and table corals. A large sea turtle is swimming on the right side of the frame, facing left. The water is clear and blue, with sunlight filtering through from the surface. Several small fish are visible swimming around the reef.

BIDANG TUJAHAN

Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik



SLOGAN

Terokaan Seluas Lautan,
Demi Kelestarian Sejagat

CARTA ORGANISASI

Universiti Malaysia Terengganu

Timbalan Naib
Canselor
(Akademik dan
Antarabangsa)

Timbalan Naib
Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan
Alumni)

Timbalan Naib
Canselor
(Penyelidikan dan
Inovasi)

CANSELORI

- Pejabat Naib Canselor
- Pejabat Timbalan-timbalan Naib Canselor
- Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko
- Pusat Komunikasi Korporat dan Pembangunan Citra
- Penerbit UMT
- Pusat Komunikasi Strategik Putrajaya
- Pejabat Jaringan Antarabangsa
- Bahagian Audit Dalam
- Bahagian Undang-Undang

**SISTEM SOKONGAN
PENGURUSAN**
Rujuk Carta 1

CANSELOR


NAIB CANSELOR

Lembaga Pengarah Universiti


Senat

SISTEM PENYAMPAIAN
AKADEMIK
Rujuk Carta 2

CARTA 1



CARTA 2





CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTANAH NUR ZAHIRAH,**

D.K., D.M.N., S.S.M.Z., S.S.M.T., D.K. (Kedah),

Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand)

Sultanah Terengganu





PRO-CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN

P.M.N., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S., S.J.M.K., S.I.M.P., S.P.M.P.,
S.P.D.K., D.P.M.S., D.H.M.S., P.G.D.K., D.P.M.J., J.S.M., P.M.P.,
D.G.S.M., A.M.N., S.M.W.

LEMBAGA PENGARAH

Universiti Malaysia Terengganu

AHLI

**YAB Dato' Haji
Ahmad Razif bin
Abdul Rahman**
D.P.M.T, S.M.Z
B. Ed. (Hons), M.Sc.
(UPM)

**YBhg. Profesor
Emeritus Dato'
Dr. Ibrahim bin
Komoo**
F.A.Sc., F.I.G.M.,
D.S.N.S.
B.Sc. Hons. (UKM),
Ph.D. (Strathclyde)

**YBhg. Dato' Haji
Nasir bin Mat
Dam**
D.I.M.P.
Dip. Pub. Mgmt.
(Intan), B.A. (UM),
M.A (Michigan)
Mulai 15 September
2013



PENGERUSI

**YBhg. Tan Sri Datuk
Dr. Ahmad Zaharudin
bin Idrus**
F.A.Sc., F.M.I.F.T., J.S.M.,
D.M.S.M., P.J.N., P.S.M.
B.Sc. Agric.(Hons) (Malaya),
M.Sc., Ph.D.(Aberdeen)

**YBhg. Tan Sri Dato'
Haji Alimuddin bin
Haji Mohd Dom**
P.P.G., P.P.T., A.M.N.,
P.M.P., D.P.M.P, P.S.M.
B.A. (Hons) (UKM),
M.Sc. Edu. (UPM)
Sehingga 28 Februari
2013

**YBhg. Dato' Haji
Mohd Nasir bin
Ibrahim Fikri**
D.P.M.T., A.M.N., K.M.N.,
P.J.K.
Dip. Acc. (ITM), B.A.
(Michigan), MBA(Texas)

**YBhg. Dato'
Wan Zakariah
bin Haji Wan
Muda**
D.S.S.A., D.S.A.P.
B.Sc. (UK)
Mulai 16 November
2013

YBhg. Profesor Emeritus Dr. Abdul Latiff bin Mohamad
D.P.S.K.
B.Sc.(Hons.) (Malaya). M.Sc., Ph.D.(Reading)

Encik Zainal Abidin bin Abu Hassan
Dip. Pub. Mgmt. (Intan), B.Sc. Human Dev. (UPM), M.A. (New Haven)
Sehingga 31 Ogos 2013

WAKIL GANTI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dr. Mohamed Ali bin Abdul Rahman
B.Sc.Ed (USM), M. Ed. (Joetsu), Ph. D (Reading)

Encik Mohd Nor Shokri bin Abd. Rahman
Dip. Islamic Studies (KUSZA), B.A (Hons)(UKM), M.Sc. (UPM)
Mulai 1 April 2013



YBhg. Profesor Emeritus Dr. Mohd Azmi bin Ambak
P.J.C., S.M.Z.
B. Sc. (Malaya), M.Sc. (Salford), Ph.D. (UPM)

YM Syed Nasir bin Syed Ahmad
K.M.N.
Dip. Pub. Mgmt., Dip. Info. Mgmt. (Intan), Dip. (UiTM), B.Sc., MBA (USA)

SETIAUSAHA

Tuan Haji Zakaria bin Ibrahim
K.M.N.
B.A. (Hons.) (UKM), M.Mgmt (UPM)
Sehingga 31 Mac 2013

SENAT

Universiti Malaysia Terengganu

PENGERUSI:

Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo

F.A.Sc., F.I.G.M., D.S.N.S.

B.Sc. (Hons.) (UKM), Ph.D. (Strathclyde)

Naib Canselor UMT

AHLI:

Profesor Dr. Noor Azhar bin Mohamed Shazili

B.Sc., Ph.D. (Wales)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dr. Mohd Effendy bin Abd Wahid

D.V.M., Ph.D (UPM)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Mulai 15 April 2013

Profesor Dr. Anuar bin Hassan

B.Sc. (Hons.) (UM), M.Sc., Ph.D. (Nagasaki)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Mulai 16 Mac 2013

Pengarah Institut Akuakultur Tropika

Sehingga 15 Mac 2013

Profesor Dato' Dr. Aziz bin Deraman

S.M.T., D.P.M.T., B.Sc. (Hons.) (UKM), MSc. (Glasgow), Ph.D. (UMIST)

Dekan, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

Mulai 1 Disember 2013

Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi

Mulai 28 Mei 2013 Sehingga 30 November 2013

Profesor Dr. Wan Salihin Wong bin Abdullah

B.Sc.Ed. (UTM), M.Ed. (Washington State), Ph.D.

(Loughborough)

Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Mulai 1 Disember 2013

Dekan, Fakulti Pembangunan Sosial

Mulai 1 Januari 2013 Sehingga 30 November 2013

Profesor Dr. Sayed Mohd. Zain bin S. Hasan

B.Sc. (Hons.) (UKM), M.Sc. (Brunel), Ph.D.

(Birmingham)

Dekan, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Mulai 1 Disember 2013

Dekan, Fakulti Agroteknologi dan Sains

Makanan

Sehingga 30 November 2013

Profesor Dr. Ir. Ahmad bin Jusoh

B.Eng. (UPM), M.Sc. (Colorado), Ph.D. (UMT), P.Eng.

(M.I.E.M)

Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Mulai 1 Disember 2013

Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi

Sehingga 30 November 2013

Profesor Dr. Nakisah binti Mat Amin

B.Sc. (Hons.) (UKM), M.Sc. (Mich. State, USA), Ph.D.

(Glasgow, UK)

Dekan, Pusat Pengajian Sains Asas

Mulai 1 Disember 2013

Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi

Sehingga 30 November 2013

Profesor Dr. Mohd Shaladdin bin Muda

B.Sc. (ISU, USA), MBA (USNH, USA), Ph.D.
(Lancaster, UK)

**Dekan, Pusat Pengajian Perniagaan dan
Pengurusan Maritim**

Mulai 1 Disember 2013

Dekan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Mulai 1 Januari 2013 Sehingga 30 November 2013

Profesor Madya Dr. Aziz bin Ahmad

B.Sc. (Hons.) (UPM), Ph.D. (UPM)

Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

Mulai 1 Disember 2013

Profesor Emeritus Dr. Mohd Azmi bin Ambak

B. Agric. Sc. (Malaya), M.Sc. (Salford), Ph.D. (UPM)

Pengarah, Institut Akuakultur Tropika

Mulai 1 April 2013

Profesor, Fakulti Perikanan dan Akua-Industri

Sehingga 31 Mac 2013

Profesor Dr. Mohd Lokman bin Husain

Dip. Fish. (UPM), B.Sc. (Mississippi State), M.Sc.
(Florida), Ph.D. (Hull)

Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran

**Profesor Emeritus Dr. Faizah binti Mohd
Shaharom**

B.Sc. (Hons) (Qld), Ph.D (Stirling)

Pengarah, Institut Penyelidikan Kenyir

Mulai 1 Disember 2013

Profesor, Institut Akuakultur Tropika

Sehingga 30 November 2013

Profesor Dr. Tengku Sifzizul bin

Tengku Muhammad

B.Sc., Ph.D. (Wales)

Pengarah, Institut Bioteknologi Marin

Mulai 1 Disember 2013

Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi

Sehingga 30 November 2013

Profesor Dr. Wan Mohd Norsani bin Wan Nik

B.Sc. (George Washington), M.Sc. (Bath), Ph.D. (UTM)

**Dekan, Fakulti Pengajian Maritim dan Sains
Marin**

Sehingga 30 November 2013

**Profesor Madya Dr. Abol Munafi bin
Ambok Bolong**

B.Sc. (UPM), M.Sc. (Kochi), Ph.D. (Ehime)

Dekan, Fakulti Perikanan dan Akua-Industri

Sehingga 30 November 2013

Profesor Dr. Ismail bin Mohd

B. Sc., M. Sc. (ITB), M.Sc. (Loughborough), Ph.D.
(St. Andrews)

**Profesor, Pusat Pengajian Informatik dan
Matematik Gunaan**

Profesor Dr. Md. Yazid bin Mohd Saman

B.Sc. (Essex), M.Sc. (UTM), Ph.D. (Loughborough)

**Profesor, Pusat Pengajian Informatik dan
Matematik Gunaan**

Profesor Dr. Norhayati binti Mohd Tahir

B.Sc. (Hons.) (Bristol), Ph.D. (Bristol)

**Profesor, Pusat Pengajian Sains Marin dan
Sekitaran**

Profesor Dr. Nik Hashim bin Nik Mustapha

B.Econs. (Hons.) (UM), M.Agr.Sc. (UM), Ph.D.
(Washington State)

**Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan
Akuakultur**

Profesor Dr. Ibrahim bin Mamat

B.Sc. (California -Davis), M.Sc. (Michigan State),
Ph.D. (Cornell)

Profesor, Fakulti Pembangunan Sosial
Sehingga 24 April 2013

Profesor Dr. Sakri bin Ibrahim

Dip. Fish. (UPM), B. Sc. (Rhode Island), M.Sc.
(Hokkaido). Ph.D. (UPM)

Profesor, Fakulti Perikanan dan Akua-Industri
Sehingga 24 April 2013

AHLI EX-OFFICIO:

Puan Hajah Nor Azizah binti Kasim

B.Econs. (Hons.) (UM)
Bendahari

Puan Wan Mariam binti Wan Abdullah

LL.B (Hons), MCL (UIA)

Penasihat Undang-undang

SETIAUSAHA:

Tuan Haji Zakaria bin Ibrahim

K.M.N

B.A. (Hons.) (UKM), M.Mgmt (UPM)

Pendaftar

Sehingga 31 Mac 2013

Encik Mohd Nor Shokri bin Abd. Rahman

Dip. Islamic Studies (KUSZA), B.A (Hons)(UKM),
M.Sc. (UPM)

Pendaftar

Mulai 1 April 2013

PENGURUSAN UNIVERSITI

Universiti Malaysia Terengganu

PENGERUSI:

Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo

F.A.Sc., F.I.G.M., D.S.N.S.

B.Sc. Hons. (UKM), Ph.D. (Strathclyde)

Naib Canselor UMT

AHLI:

Profesor Dr. Noor Azhar bin Mohamed Shazili

J.M.N., B.Sc., Ph.D. (Wales)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dr. Mohd. Effendy bin Abd Wahid

D.V.M., Ph.D (UPM)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

mulai 15 April 2013

Profesor Dr. Anuar bin Hassan

B.Sc. (Hons.) (UM), M.Sc., Ph.D (Nagasaki)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

mulai 16 Mac 2013

Tuan Haji Zakaria bin Ibrahim

K.M.N., B.A. (Hons.) (UKM), M.Mgmt (UPM)

Pendaftar

sehingga 31 Mac 2013

Encik Mohd. Nor Shokri bin Haji Abd. Rahman

Dip. Islamic Studies (KUSZA), B.A (Hons)(UKM), M.Sc. (UPM)

Pendaftar

mulai 1 April 2013

Puan Hajah Nor Azizah binti Kasim

B.C.M., B. Econs. (Hons.) (UM)

Bendahari

Puan Wan Mariam binti Wan Abdullah

LL.B (Hons), MCL (UIA)

Penasihat Undang-Undang

Ir. Haji Mohd Zaideen bin Yusoff

B.Sc. (Hons.) Civil (Manchester), M.I.E.M., P.Eng.

Pengarah, Pusat Pembangunan dan Harta

SETIAUSAHA:

Encik Abdullah Syukri bin M. Saleh

B.Acct. (Hons.) (UUM), M.Mgmt. (UPM)

Ketua Pentadbiran Canselori



LAPORAN NAIB CANSOLOR

UNIVERSITI MALAYSIA
TERENGGANU



A portrait of Professor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Bin Komoo. He is an elderly man with white hair, wearing glasses, a dark suit, a white shirt, and a red tie. He is sitting at a desk with his hands clasped, holding a pen. There are some papers and a small red object on the desk. The background is a blue gradient.

PROFESOR EMERITUS DATO' DR. IBRAHIM BIN KOMOO

Bismillahirrahmanirrahim,

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin-Nya, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sudah hampir dua tahun berada di bawah pimpinan saya. Sepanjang tempoh tersebut UMT telah melalui pelbagai bentuk transformasi yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan kecemerlangan kesarjanaan dan perkhidmatan akademik demi melahirkan mahasiswa yang berminda kelas pertama.

Pelan Strategik 2013-2017

Sepanjang tahun 2013, warga UMT telah bersepakat untuk memartabatkan kedudukan UMT di arena kebangsaan dan antarabangsa melalui usaha melaksanakan Pelan Strategik 2013-2017 dan perancangan rapi bagi menggerakkan Transformasi Akademik. Pendekatan pelan strategik ini adalah memperkukuh dan memperkasa hasrat bersifat strategik untuk bergerak ke hadapan dengan hala tuju yang tepat.

Pelan Strategik 2013-2017 menekankan lima bentuk transformasi: pengajaran dan pembelajaran; penyelidikan dan inovasi; pemindahan ilmu; memperkasa bakat akademik; dan pembangunan citra. Semua transformasi ini diterjemahkan kepada 17 objektif strategik, 43 program dan 115 projek yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 1-3-5 tahun akan datang.

Pelan Strategik ini dimulakan dengan beberapa kenyataan dasar yang perlu dihayati oleh semua warga UMT. Falsafah asal dikekalkan dan visi, misi dan slogan diperkemas untuk menajjar keilmuan terfokus UMT iaitu 'ilmu kelautan dan sumber akuatik'. Bagi memantapkan gagasan 'Akademik Berbudaya Cemerlang', UMT telah memperkenalkan lima nilai teras (*core values*) iaitu ghairah kepada kebenaran, mengejar kecemerlangan, pemerkasaan kepimpinan akademik, menghormati kepelbagaian keserakanan dan menyemai kecintaan alam.

“Transformasi UMT diterjemahkan kepada 17 objektif strategik, 43 program dan 115 projek yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 1-3-5 tahun”.

Perkembangan Akademik

UMT telah melaksanakan Transformasi Akademik pada 1 Disember 2013 selepas membuat pelbagai kajian senario semasa, perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan dan menganjurkan majlis dialog bersama pihak berkepentingan. Transformasi ini telah diluluskan oleh Senat pada 31 Julai 2013 dan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 3 September 2013. Pada prinsipnya, transformasi akademik merupakan usaha pemodenan urusan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bagi mengukuhkan iltizam menjadikan pengajaran dan pembelajaran urusan teras terpenting UMT. UMT sedang bergerak ke arah penyediaan program pengajian

(prasiswazah dan pascasiswazah) yang berkualiti dan relevan dengan keperluan negara; penyediaan bakat akademik yang berkepakaran tinggi; serta sistem penyampaian ilmu yang terbuka dan berkecekapan tinggi.

Antara transformasi yang telah dijalankan ialah sistem fakulti digantikan dengan sistem pusat pengajian bagi membolehkan UMT memberikan fokus kepada bidang tujahan yang telah dipersetujui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Perubahan ini membolehkan hirarki pengurusan penyampaian dikurangkan daripada tiga (dekan-ketua jabatan-ketua program) kepada dua (dekan-pengerusi program). Semua pelantikan pengerusi program adalah daripada kalangan ahli akademik terkanan dan berwibawa dalam bidang utama sesuatu program pengajian.

Transformasi ini melibatkan penyusunan semula semua program pengajian berdasarkan disiplin keilmuan dan sektor pembangunan. Pendekatan ini tentunya dapat menyokong gagasan pembangunan 'sains kelautan dan sumber akuatik'. Untuk mencapai hasrat baharu ini, UMT telah memperkenalkan lapan Pusat Pengajian iaitu Pusat Pengajian Sains Asas, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi serta Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan. Program pengajian baharu juga diwujudkan iaitu Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) yang merupakan program baharu struktur kerja kursus. Selain itu terdapat dua program pengajian baharu peringkat sarjana muda turut diperkenalkan iaitu Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dan Sains Sosial (Pembangunan Komuniti). Dua program ini telah diluluskan oleh Malaysia Qualifications Agency (MQA) tetapi masih belum mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Bagi membolehkan P&P bersifat holistik, UMT juga menubuhkan Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL) yang mempunyai empat jabatan iaitu Jabatan Kenegaraan dan Peradaban, Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan dan Jabatan Seni Kreatif dan Sains Sukan. Pusat Pendidikan ini memberikan tumpuan kepada penyampaian kursus wajib dan elektif universiti. Perkhidmatan ini penting bagi membolehkan pelajar terdedah kepada kursus asas dan liberal yang diperlukan untuk membentuk insan yang holistik, mempunyai daya kreativiti tinggi dan

berkeyakinan diri. Status dan tanggungjawab pusat ini sama seperti semua pusat pengajian yang lain, kecuali ia tidak menawarkan program pengajian.

Dari aspek pelajar pula, pada tahun ini didapati jumlah pelajar telah meningkat sebanyak 10.14% berbanding tahun 2012 iaitu pertambahan seramai 809 orang. Peningkatan jumlah pelajar pada setiap tahun menunjukkan UMT semakin menjadi pilihan. Dalam konteks bilangan pelajar antarabangsa, kedudukan UMT masih di tahap rendah iaitu seramai 108 orang (1.3%); 59 pelajar Ph.D, 26 pelajar Sarjana dan 23 pelajar Sarjana Muda.

“Sepanjang tahun 2013, transformasi UMT melibatkan penyusunan semula semua program pengajian berdasarkan disiplin keilmuan dan sektor pembangunan. Pendekatan ini tentunya dapat menyokong gagasan pembangunan sains kelautan dan sumber akuatik”.

Majlis Konvokesyen UMT kali ke-11 berlangsung dalam suasana yang gilang-gemilang. Pada tahun 2013, UMT telah berjaya menghasilkan 1,962 graduan, iaitu 15 daripadanya menerima ijazah Ph.D, 114 ijazah Sarjana, 1,727 ijazah Sarjana Muda dan 106 Diploma. Majlis ini turut diserikan lagi dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Profesor Emeritus Dato’ Sri Dr. Zakri Abdul Hamid dan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan kepada Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor. Selain itu, pada majlis konvokesyen ini juga, UMT telah mengurniakan beberapa anugerah peringkat universiti kepada pelajar cemerlang iaitu satu Anugerah Pingat Emas Canselor, dua Anugerah Pelajaran Diraja dan dua Anugerah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.

Kadar peratusan pelajar yang mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan pengajian menurun sebanyak 8.5% iaitu 53.3% pada tahun 2013 berbanding 61.8% pada tahun 2012. Sehubungan itu, UMT bertekad mengadakan transformasi akademik dengan mengkaji semula program pengajian supaya program pengajian yang ditawarkan adalah relevan dengan keperluan negara.

Pada tahun 2013, UMT telah memperkenalkan Pusat Pengurusan Bakat Akademik sebagai pusat sokongan terbaru. Dengan adanya pusat ini, usaha membangun bakat akademik berjalan dengan lancar. Pada tahun 2013, jumlah felo akademik dan pensyarah yang telah tamat cuti belajar dan lulus pengajian Ph.D adalah seramai 22 orang. Dengan ini, jumlah ahli akademik yang aktif dan mampu menyumbang kepada aktiviti P&P ialah seramai 419 orang (meningkat sebanyak 5.7% berbanding tahun 2012). Apa yang membanggakan ialah jumlah ahli akademik yang memiliki ijazah Ph.D kini telah meningkat kepada 67.3%, berbanding 57% pada tahun 2012, peningkatan ini menjadikan jumlahnya seramai 282 orang. Peratusan ini adalah antara yang tertinggi daripada kalangan universiti komprehensif berfokus di Malaysia. Sehingga 2013, UMT mempunyai 19 orang (4.5%) ahli akademik antarabangsa.

Penyelidikan dan Inovasi

Tahun 2013 merupakan titik bersejarah bagi UMT kerana jawatan Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi telah dinaiktaraf oleh KPM ke jawatan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi. Dengan ini, lengkaplah pengurusan tertinggi universiti dengan tiga orang Timbalan Naib Canselor.

Untuk memperkukuhkan usaha membangun keupayaan penyelidikan bersifat multi-disiplin, pada tahun 2013, UMT telah mewujudkan institut ke-4 iaitu Institut Penyelidikan Kenyir (IPK). Ini merupakan usaha melengkapkan keperluan prasarana penyelidikan berimpak tinggi. Institut ini diwujudkan dengan menggabungkan dua kemudahan sedia ada iaitu Pusat Pembangunan Sosial (CSD) dan Stesen Penyelidikan Kenyir dan menambah sebuah entiti baharu iaitu Pusat Ekosistem Tasik Kenyir. Dengan wujudnya IPK, kini UMT telah mempunyai kemudahan penyelidikan canggih dan terfokus dalam bidang tujahan iaitu sains marin (oseanografi), kajian maritim, perikanan, bioteknologi marin dan sumber akuatik.

UMT boleh berbangga dengan pencapaian penerimaan geran penyelidikan yang tinggi pada tahun 2013. Penerimaan geran adalah sebanyak RM14.5 juta daripada kerajaan (termasuk daripada KPM dan MOSTI), RM73,000 daripada agensi swasta (dalam negara) dan RM32,000 daripada luar negara. Jumlah perolehan ini meningkat sebanyak 96% berbanding tahun 2012, peratus bilangan projek pula meningkat sebanyak 228% menyamai 256 projek penyelidikan berbanding tahun 2012 yang hanya ada 78 projek. Pada masa yang sama jumlah ahli akademik yang menjadi

Ketua Projek penyelidikan juga terus meningkat daripada 188 orang (44.8%) pada tahun 2012, kepada 254 orang (61%) pada tahun 2013. Pencapaian ini sangat memberangsangkan, memandangkan lebih 50% daripada Ketua Projek terdiri daripada kelompok ahli akademik muda.

UMT juga dilihat sentiasa proaktif dalam aktiviti promosi dan penghasilan produk penyelidikan inovasi teknologi. Sepanjang tahun 2013, UMT telah menghantar 40 penyertaan pertandingan produk penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan berjaya meraih kemenangan sebanyak 38 pingat dan 2 anugerah terbaik.

“Dengan wujudnya Institut Penyelidikan Kenyir (IPK), kini UMT telah mempunyai kemudahan penyelidikan canggih dan terfokus dalam bidang tujahan iaitu sains marin (oseanografi), kajian maritim, perikanan, bioteknologi marin dan sumber akuatik”.

Pencapaian inovasi ilmu (penerbitan ilmiah) pada tahun 2013 pula ialah sebanyak 485 makalah jurnal, lebih tinggi berbanding 402 pada tahun 2012. Nisbah makalah dalam jurnal terindeks berbanding makalah tidak terindeks juga terus meningkat daripada 1.8:1 (2012) kepada 3.2:1 (2013). Ini menunjukkan telah timbul kesedaran sebahagian daripada ahli akademik UMT untuk menerbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal berkualiti. Pada masa ini nisbah penerbitan dalam jurnal terindeks per ahli akademik ialah 0.51 – satu pencapaian yang baik untuk universiti muda seperti UMT. Bagaimanapun, saya berpendapat UMT perlu meningkatkan nisbah ini kepada 1.0 per ahli akademik menjelang tahun 2020. Selain itu, bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk telah meningkat daripada 40 orang pada tahun 2012 kepada 68 orang pada tahun 2013. Peningkatan ini juga menunjukkan pertambahan jumlah ahli akademik yang berkredibiliti tinggi. Pada Februari 2013, UMT mengambil inisiatif dengan melancarkan satu jurnal baharu dalam bidang Sains Sosial iaitu Journal of Business and Social Development (JBSD).

Pencapaian inovasi teknologi (harta intelek) masih terhad. Sehingga akhir tahun 2013, UMT hanya mampu menghasilkan 5 paten dan sebuah cap dagang, sementara 15 paten dan sebuah cap dagang yang telah difail sedang menunggu kelulusan.

Ini satu permulaan yang baik dan usaha berterusan masih perlu dipergiatkan lagi. Usaha ke arah menjalankan inovasi sosial iaitu produk penyelidikan yang disalurkan kepada pembangunan sosioekonomi komuniti merupakan usaha baharu yang masih di peringkat awal pelaksanaan.

Transformasi Penyelidikan dan Inovasi (P&I) telah dimulakan sejak pertengahan tahun 2013. Konsep Special Interest Group (SIG) dan Research Interest Group (RIG) dimantapkan supaya kefahaman semua ahli akademik terjajar. SIG/ RIG merupakan 'kumpulan penyelidikan longgar' merentasi Pusat Pengajian dan Institut Penyelidikan, bersifat multidisiplin dan transdisiplin serta mempunyai objektif jangka panjang yang jelas. Pada awal tahun 2013, SIG telah bergerak selari dengan tema nic baharu iaitu ilmu kelautan dan sumber akuatik. Sehubungan dengan itu, 11 SIG dan RIG dicadangkan bakal ditubuhkan pada tahun 2014.

Pemindahan ilmu merupakan agenda utama UMT untuk membantu masyarakat khususnya komuniti setempat mempertingkatkan usaha meneroka ilmu dalam pelbagai bidang yang berkaitan demi kesejahteraan kehidupan masyarakat di masa akan datang.

UMT telah melaksanakan Program Perdana Let's Talk and Let's Go Global: Memperkasa Komunikasi Bahasa Inggeris yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II. Program ini merupakan idea atau dorongan daripada Dato' Seri sendiri. Setelah tamat program enam bulan ini, ternyata berlaku peningkatan yang amat ketara terhadap pelajar, sebelum dan selepas mengikuti program.



Pembangunan Citra

Saya percaya UMT perlu meningkatkan usaha pembangunan citra supaya dapat meletakkan kedudukan atau gambaran citra UMT pada tahap yang sepatutnya dalam persepsi minda masyarakat. Antara usaha pemeraksanaan imej UMT yang sedang dijalankan adalah melalui promosi dan publisiti menggunakan pelbagai media, lawatan serta pameran. Aktiviti promosi dan publisiti memfokuskan kepada tiga sasaran utama iaitu peringkat setempat meliputi Terengganu dan Pantai Timur, peringkat kebangsaan dan juga peringkat global. Aktiviti pengantarabangsaan pula ditingkatkan dengan menyertai persidangan antarabangsa, lawatan rasmi, program sangkutan luar Negara dan latihan industri. Pada tahun 2013, aktiviti yang paling giat dijalankan ialah persidangan, lawatan rasmi serta siaran berita dalam akhbar, televisyen dan radio mengenai pelbagai aktiviti pengajaran dan penyelidikan. Hal ini dapat meningkatkan reputasi UMT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dari aspek citra prasarana fizikal, pada tahun 2013, pembangunan UMT lebih menjurus kepada konsep pembangunan kampus lestari. Antara kemudahan lestari yang dibangunkan ialah laluan pejalan kaki berbumbung, tempat meletak basikal dan tong sampah kitar semula. Sepanjang tahun 2013, UMT berjaya menyiapkan beberapa kemudahan prasarana akademik untuk pendidikan dan penyelidikan. Antaranya ialah bangunan Kompleks Makmal, Kompleks Kuliah Berpusat dan empat buah bangunan untuk meningkatkan keupayaan pusat pengajian. Dengan adanya kemudahan ini, ruang kemudahan akademik telah dapat diperluaskan daripada 15,000 m persegi kepada lebih 35,000 m persegi (peningkatan sehingga 133%). Oleh itu, ruang untuk kemudahan bilik kuliah dan makmal meningkat daripada 126 buah menjadi 308 buah, sementara bilik ahli akademik daripada



482 buah menjadi 932 buah. Dengan meningkatnya kemudahan prasarana, kini UMT mampu menampung peningkatan jumlah pelajar sehingga 13,000 orang pada satu masa.

Dari segi citra prasarana infrastruktur pula, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah telah dijenamakan semula menjadi Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PPDSNZ). Dengan jenama baharu ini, perpustakaan ini berusaha memantapkan aktiviti pendigitalan bahan bacaan. Berdasarkan peratusan pinjaman bahan di PPDSNZ, didapati e-book kian mendapat sambutan. UMT juga sedang dalam transformasi ke arah pembelajaran digital, sistem e-Pembelajaran yang baharu telah digunakan sepenuhnya sebagai platform utama dalam P&P bermula pada semester 1 sesi 2013/2014.

Kita boleh berbangga dengan pencapaian tahun 2013 walaupun masih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan prestasi penyampaian dan kecemerlangan akademik. Dengan penilaian pencapaian tahun 2013 ini, saya berharap UMT dapat melaksanakan perancangan aktiviti tahun 2014 dengan lebih berkesan.

“BUDAYA KECEMERLANGAN, PROJEK BERIMPAK TINGGI”

PROFESOR EMERITUS DATO' DR. IBRAHIM BIN KOMOO,

F.A.Sc., F.I.G.M, D.S.N.S.

Naib Canselor

Universiti Malaysia Terengganu

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
TERENGGANU



Tahun 2013, UMT melalui fasa transformasi yang amat penting untuk melonjak ke arah sebuah universiti berfokus terulung dalam negara dan disegani di peringkat global. Transformasi governans serta pengajaran dan pembelajaran telah selesai dilaksanakan manakala transformasi penyelidikan dan pelajar pula telah mula dilaksanakan. Proses transformasi ini merupakan hasil daripada Pelan Strategik UMT 2013-2017.

KPI Tahun 2013 dan 2012 – Perbandingan Keseluruhan

Sebanyak 10 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah dipilih untuk dijadikan ukuran pencapaian UMT bagi tahun 2013 hasil gabungan daripada KPI kementerian, Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) dan pelan strategik UMT sendiri. Enam daripada 10 KPI ini telah berjaya mencapai atau melebihi sasaran yang telah ditetapkan manakala empat KPI yang lain masih tidak mencapai sasaran. Walau bagaimanapun, sebanyak enam KPI telah direkodkan mengalami peningkatan berbanding tahun 2012, manakala empat lagi kekal seperti tahun sebelumnya (**Jadual 1**).

Jadual 1: Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UMT Tahun 2013.

Bil	Petunjuk Prestasi (KPI)	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	Pencapaian 2012	Status
1.	Peratus graduan mendapat pekerjaan semasa konvokesyen	65%	62%	62%	↔
2.	Nisbah penerbitan dalam jurnal berindeks per pensyarah	0.5 : 1	0.9 : 1	0.5 : 1	↑
3.	Peratusan staf akademik yang berkelayakan Ph.D atau setaraf di UMT	60%	67% (282 / 419)	57% (227 / 398)	↑
4.	Skor Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA)	50%	59.4%	48%	↑
5.	Bilangan pelajar pascasiswazah antarabangsa yang mengikuti pengajian di IPTA	100	83	68	↑
6.	Jumlah "outbound" pelajar yang terlibat dalam projek mobiliti antarabangsa	300	308	225	↑
7.	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk	50	68	40	↑
8.	Bilangan siswazah / lulusan UMT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	20	11	10	↑
9.	Bilangan projek pemindahan ilmu dan akademik dengan kerjasama industri / komuniti	5	6	5	↑
10.	Pencapaian SETARA	Tier 4	Tier 4	Tier 4	↔

Petunjuk: ↑ Meningkatkan ↔ Tidak berubah

Pencapaian dalam penarafan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) merupakan salah satu KPI yang diberi perhatian khusus oleh UMT dan ia juga terkandung dalam Pelan Strategik UMT 2013-2017. Walaupun telah berjaya menempatkan diri pada *Tier 4* (Sangat Baik), namun UMT tetap berazam untuk melonjak kepada *Tier 5* pada tahun 2014 dan bertekad untuk mencapai *Tier 6* menjelang tahun 2017.

UMT berbangga kerana bilangan ahli akademik yang menjadi pakar rujuk sama ada kepada pihak kerajaan atau swasta telah meningkat daripada 40 orang pada tahun 2012 kepada 68 orang pada tahun ini. Peningkatan ini membuktikan bahawa UMT sememangnya memiliki pakar-pakar yang diiktiraf yang mampu memindahkan ilmu yang dimiliki untuk kepentingan sejagat.

Para pelajar UMT pula semakin kompeten dan berkeyakinan berdasarkan jumlah *outbound* pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa yang semakin meningkat, walaupun dengan peruntukan kewangan yang terhad. UMT telah mengenal pasti beberapa strategi bagi mendedahkan pelajar kepada program-program di luar negara contohnya melalui aktiviti Kelab UNESCO UMT yang telah ditubuhkan.

Pelan Strategik UMT 2013-2017 – Memacu Kecemerlangan UMT

Pencapaian dan kejayaan UMT pada tahun 2013 bukan hanya diukur berdasarkan KPI semata-mata, malah kejayaan melaksanakan proses transformasi dan penyediaan perancangan strategik UMT itu sendiri merupakan pencapaian yang amat bermakna untuk UMT.

Pelan Strategik UMT 2013-2017 merupakan pelan bersama seluruh warga UMT dan telah selesai digubal pada penghujung tahun 2013. Pelan ini memberi tumpuan kepada lima teras utama yang akan memperkasa UMT iaitu Teras Bakat Akademik, Teras Pengajaran dan Pembelajaran, Teras Penyelidikan dan Inovasi, Teras Pemindahan Ilmu dan Teras Pemantapan Citra. Sejumlah 17 objektif strategi dan 43 program telah dimuktamadkan melalui kelima-lima teras ini dan lebih daripada 100 projek telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam jangka masa 1-3-5 tahun, bermula dari tahun 2013 sehingga tahun 2017. **Jadual 2** hingga **Jadual 6** menunjukkan ringkasan objektif strategi dan program bagi setiap teras dalam pelan strategik UMT:

Jadual 2: Teras Bakat Akademik.

Objektif Strategi (OS)	Program (P)
OS1: Menarik Bakat Akademik Cemerlang	P1: Memperkukuh program Akademik Muda.
	P2: Meningkatkan Pengambilan akademik berijazah Ph.D (Warganegara Malaysia).
	P3: Menarik lebih ramai ahli akademik antarabangsa.
OS2: Megasah dan Menggilap Bakat Akademik Cemerlang	P1: Meningkatkan kualiti akademik.
OS3: Memperkukuh dan Memperkasa Bakat Akademik	P1: Memperkukuh dan membudayakan program malim sarjana.
	P2: Memperkasa Kesarjanaan Bakat Akademik di peringkat global.

Jadual 3: Teras Pengajaran dan Pembelajaran.

Objektif Strategi (OS)	Program (P)
OS1: Meningkatkan Kemasukan Pelajar Berkualiti (Pelajar Pilihan Pertama)	P1: Program Tambatan Hati Pelajar Cemerlang (Pelajar Tingkatan 4, 5 dan 6).
	P2: Penawaran Program Diploma Strategik.
	P3: Penawaran Program Kontinuum (Diploma-Sarjana Muda-Sarjana).
OS2: Menawarkan Program Berfokus, Relevan, Berkualiti, Berkeboleh Pasaran Tinggi dan Berimpak Tinggi	P1: Penawaran pogram pengajian berkualiti.
	P2: Penawaran pogram pengajian berfokus.
	P3: Penawaran pogram pengajian berkebolehpasaran dan berimpak tinggi.
OS3: Menawarkan Program Antarabangsa Peringkat Sarjana Muda dan Sarjana	P1: Penawaran program pengajian antarabangsa di peringkat Sarjana Muda dan Sarjana Kerja Kursus.
OS4: Memperkukuh Governans Pengajaran dan Pembelajaran	P1: Kolej Siswa sebagai tempat pembelajaran kedua.
	P2: Penubuhan Pusat Pendidikan Holistik.
	P3: Penubuhan Pusat-pusat Pengajian.
	P4: Penarafan SETARA Tahap 6 (Terbilang).
OS5: Memperkukuh Sistem Pembelajaran Digital dan Luar Kampus	P1: Pengembangan pembangunan kandungan digital.
	P2: Pengembangan akses terhadap bahan pengajaran digital melalui e-pembelajaran.

Jadual 4: Teras Penyelidikan dan Inovasi.

Objektif Strategi (OS)	Program (P)
OS1: Memperkasa Penyelidikan Fundamental	P1: Memperkasakan Kesarjanaan.
	P2: Memperkukuh Kepakaran Kelautan dan Sumber Akuatik.
OS2: Mengunggulkan Penyelidikan Berpasukan Berbentuk Multi dan Trans-Disiplin	P1: Memperkasa <i>Special Interest Group (SIG)</i> dan <i>Special Research Group (SRG)</i> di peringkat kebangsaan dan global.
	P2: Memperkukuhkan stesen/ makmal penyelidikan khas.
	P3: Program Institut Penyelidikan Berimpak Tinggi.
OS3: Menyemarakkan Budaya Inovasi di dalam Kalangan Bakat Akademik	P1: Memperkasakan proses pembangunan produk inovasi teknologi.
	P2: Menggalakkan pemindahan teknologi berdasarkan inovasi sosial.

Jadual 5: Teras Pemindahan Ilmu.

Objektif Strategi (OS)	Program (P)
OS1: Menyebarkan Ilmu untuk Masyarakat	P1: Mengembangkan penglibatan komuniti Setiu Wetland dan Tasik Kenyir.
	P2: Meluaskan akses pembelajaran sepanjang hayat.
	P3: Mempertingkatkan kesedaran kepentingan lautan melalui program Survival Laut.
OS2: Menyalurkan Ilmu untuk Industri Kecil dan Sederhana	P1: Menyumbang kepakaran kepada pembangunan produk komersial.
	P2: Menyediakan khidmat nasihat dalam penyediaan rancangan perniagaan dan laporan kewangan.
	P3: Melebarkan Jaringan Penyelidikan ECER.
OS3: Memperkasa Perniagaan Universiti	P1: Memperkukuhkan UMT Jaya Holdings sebagai jentera perniagaan universiti.
	P2: Melebarkan khidmat perundingan dan penasihat dasar.
	P3: Meningkatkan pembangunan perniagaan ilmu.

Jadual 6: Teras Pemantapan Citra.

Objektif Strategi (OS)	Program (P)
OS1: Melonjakkan Citra Tempatan	P1: Mewujudkan universiti mesra komuniti.
	P2: Menjadi rakan kongsi komuniti nelayan.
	P3: Memperhebatkan peranan UMT sebagai khalifah pemuliharaan kepelbagaian sumber kelautan dan akuatik.
	P4: Memperkasakan UMT sebagai kampus lestari.
OS2: Menonjolkan Citra Kebangsaan	P1: Memperkukuhkan UMT sebagai universiti terunggul dalam ilmu kelautan.
	P2: Merealisasikan UMT sebagai universiti pilihan pelajar tempatan dalam bidang maritim, sains nautika, sains kelautan dan sumber akuatik.
OS3: Memperkenalkan Citra Global	P1: Memacu UMT ke arah universiti berorientasi global dalam bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik.
	P2: Merealisasikan UMT sebagai pilihan pelajar antarabangsa dalam bidang sains kelautan.

UMT pada tahun 2013 telah menyediakan perancangan strategik seperti ringkasan di atas. Segala program dan projek telah digariskan di dalam pelan ini dan setiap kemajuan pelaksanaannya akan dipantau dan dilaporkan dari semasa ke semasa.

“Pencapaian dan kejayaan UMT pada tahun 2013 bukan hanya diukur berdasarkan petunjuk prestasi utama semata-mata, malah kejayaan melaksanakan proses transformasi dan penyediaan perancangan strategik UMT itu sendiri merupakan pencapaian yang amat bermakna untuk UMT”.

TERAS 1

BAKAT AKADEMIK

UNIVERSITI MALAYSIA
TERENGGANU



Pusat Pengurusan Bakat Akademik (PPBA) telah ditubuhkan pada 1 Februari 2013 bagi melonjakkan kualiti dan keserjanaan ahli akademik UMT. PPBA bertanggungjawab mengurus dan melaksanakan Dasar Pembangunan Bakat Akademik dan pemerkasaan kerjaya ahli akademik selaras dengan Visi, Misi dan Pelan Strategik UMT. Di samping itu, PPBA juga berperanan untuk membangunkan potensi keserjanaan bakat akademik sebagai sumber utama kepakaran dalam pelbagai bidang dan menjadi nadi kepada kecemerlangan akademik. PPBA diterajui oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh jawatankuasa tetap yang dilantik oleh Pengurusan Tertinggi UMT.


PPBA bertanggungjawab menguruskan dua fungsi utama berikut bagi merealisasikan falsafah ini iaitu:

- i. Pembangunan Profesion Bakat Akademik
 - a. Mengurus Pelan Pembangunan Bakat Akademik.
 - b. Mengurus pengambilan.
 - c. Mengurus kenaikan pangkat.
 - d. Mengurus cuti belajar.
 - e. Mengurus pemetaan bidang ahli akademik.
 - f. Mengurus pembangunan sistem e-Bakat Akademik.
 - g. Mengurus kewangan cuti belajar.

- ii. Pemerikasaan Bakat Akademik
 - a. Mengurus Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan penilaian prestasi tahunan ahli akademik.
 - b. Mengurus penganugerahan di peringkat universiti, kebangsaan dan antara-bangsa termasuk Anugerah Malim Ilmu (MAMI).
 - c. Mengurus Pelan Strategik-Teras Bakat Akademik.
 - d. Mengurus konferensi dan latihan akademik.
 - e. Mengurus permohonan sangkutan akademik.
 - f. Mengurus cuti sabatikal.
 - g. Mengurus cuti pasca kedoktoran.
 - h. Mengurus Program Mentor Mentee.

Pembangunan bakat pada prinsipnya adalah pembangunan kepakaran dan kemahiran berkonsepkan pembangunan sendiri. PPBA telah membuat pemetaan bidang bagi ahli akademik dalam usaha untuk memastikan kepakaran yang diperlukan dapat memenuhi kelompongan bidang tertentu.

Pemetaan bidang tersebut dibahagikan kepada tiga kumpulan utama seperti dalam **Rajah 1**.



Rajah 1: Pemetaan Bidang Akademik.

Pemetaan bidang adalah kaedah untuk mengenalpasti pelapis dalam bidang kepakaran tertentu. Perancangan Pelan Penggantian akan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan kelompongan kepakaran dalam bidang yang diperlukan boleh dipenuhi. Secara tidak langsung, kaedah ini juga dapat membekalkan maklumat kepelbagaian bidang kepakaran yang ada dalam kalangan ahli akademik UMT. Senarai bidang utama adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7: Bidang Kepakaran Akademik.

Bil	Bidang Utama	Bil	Bidang Utama
1.	Akualkultur	34.	Sains Marin
2.	Biologi Akuatik	35.	Pengajian Maritim
3.	Ekologi Akuatik	36.	Matematik
4.	Bahasa	37.	Kejuruteraan Mekanikal
5.	Biokimia & Mikrobiologi	38.	Fizik Perubatan
6.	Biologi	39.	Mikrobiologi
7.	Kejuruteraan Bioperubatan	40.	Seni Bina Perkapalan
8.	Bioperubatan	41.	Oseanografi


Bil	Bidang Utama	Bil	Bidang Utama
9.	Biosains	42.	Pemakanan & Dietetik
10.	Bioteknologi	43.	Pemeliharaan & Pemuliharaan Biodiversiti
11.	Bioteknologi Marin	44.	Pengurusan
12.	Botani	45.	Pengurusan Perkhidmatan Makanan
13.	Kejuruteraan Kimia	46.	Peradaban
14.	Kejuruteraan Awam	47.	Perakaunan
15.	Ekonomi	48.	Perhutanan
16.	Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	49.	Fisiologi
17.	Entomologi Gunaan	50.	Penderiaan Jauh (Remote Sensing) dan GIS
18.	Teknologi/Kejuruteraan Persekitaran	51.	Sains Pertanian
19.	Sains Persekitaran	52.	Sains & Teknologi Makanan
20.	Ekologi Ikan	53.	Sains dan Teknologi Makanan
21.	Perikanan	54.	Sains Kimia
22.	Fizik	55.	Sains Komputer
23.	Hidrologi	56.	Sains Makanan
24.	Geografi Manusia	57.	Sains Nautika & Pengangkutan Maritim
25.	Iktiologi	58.	Sains Sosial
26.	Kaunseling	59.	Sains Tanah
27.	Kaunseling dan Psikologi	60.	Sejarah & Kenegaraan
28.	Kejuruteraan Alam Sekitar	61.	Teknologi Bioperubatan
29.	Kejuruteraan Pertanian	62.	Undang-undang
30.	Kewangan	63.	Veterinar
31.	Kimia	64.	Veterinari
32.	Kimia Industri	65.	Zoologi Gunaan
33.	Biologi Marin dan Air Tawar	66.	Zoologi

Beberapa siri bengkel telah dilaksanakan untuk memastikan ahli akademik UMT mempunyai kecemerlangan, kewibawaan dan keserjanaan seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8: Bengkel yang Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2013.

Bil	Bengkel	Tarikh dan Tempat
1.	Bengkel Analisis Keperluan Bidang Akademik	25 Februari 2013 Ri-Yaz Heritage Marina Resort & Spa
2.	Bengkel Penambahbaikan Kriteria Penilaian Prestasi dan Kenaikan Pangkat Ahli Akademik	09 - 10 April 2013 Tok Aman Bali Beach Resort
3.	Bengkel Pengisian Data Keperluan e-Profile Akademik	22 Mei 2013 Ri-Yaz Heritage Marina Resort & Spa
4.	Syarahan Inaugural UMT - Profesor Dr. Sayed Mohd Zain S.Hasan	9 Mei 2013 Auditorium PPDSNZ, UMT
5.	Bengkel Pemurnian Kriteria dan Pemarkahan Bagi Penilaian Prestasi Ahli Akademik	12 November 2013 Hotel Primula Beach Resort
6.	Bengkel Pemurnian dan Pembangunan Dasar Serta Garis Panduan Bagi Permohonan Konferensi/Latihan Akademik, Cuti Belajar/Cuti Sabatikal/Cuti Pasca Doktorat dan Kenaikan Pangkat Ahli Akademik	28 - 30 November 2013 The Zenith Hotel
7.	Bengkel Lanjutan Pemurnian dan Pembangunan Dasar Serta Garis Panduan Bagi Permohonan Konferensi/Latihan Akademik, Cuti Belajar/Cuti Sabatikal/Cuti Pasca Doktorat dan Kenaikan Pangkat Ahli Akademik	18 Disember 2013 Kuala Terengganu Golf Resort

Dasar Pembangunan Bakat Akademik Universiti Malaysia Terengganu telah disediakan sebagai panduan untuk membangun dan menyerlahkan potensi keserjanaan dan kepimpinan akademik dalam pelbagai bidang kepakaran. Bagi mencapai objektif dasar ini, Pelan Pembangunan Bakat Akademik disediakan sebagai kerangka kerja dengan Model Pembangunan Bakat Akademik sebagai panduan penggerak pelaksanaan seperti dalam **Rajah 2** dan **Jadual 9**.



Rajah 2: Model Pembangunan Bakat Akademik.

“Penubuhan Pusat Pembangunan Bakat Akademi (PPBA) adalah satu langkah terbaik ke arah memartabatkan kedudukan ahli akademik UMT di peringkat kebangsaan dan global melalui perancangan rapi dan disokong oleh Transformasi Akademik”.

Jadual 9: Perincian Model Pembangunan Bakat Akademik.

	Komponen	Perincian Komponen	Instrumen
PEMBANGUNAN PROFESION BAKAT AKADEMIK	1. Strategi dan Perancangan Bakat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perancangan Masa Hadapan ▪ Senario semasa akademik ▪ Pelan Hierarki Perjawatan Bakat Akademik ▪ Analisis jurang dan risiko 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemetaan Bidang Akademik
	2. Pengrekrutan dan Pemilihan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Global ▪ Efektif dan Efisien 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemetaan Bidang Akademik ▪ Ujian Personaliti/ Psikometrik ▪ Mock Teaching Test ▪ Pra Lantikan
	3. Pengurusan Prestasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penjajaran Pasukan Kesepakaran ▪ Imbuan berdasarkan kepakaran ▪ Keupayaan akademik dan pentadbiran ▪ Mod Laluan Kerjaya (Pengajaran, Penyelidikan dan Gabungan) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemetaan Bidang Akademik ▪ e-Bakat ▪ e-LNPT ▪ Matriks Kerjaya ▪ Benchmark/Review Kriteria Minimum Kenaikan Pangkat secara berkala
PEMERKASAAN BAKAT AKADEMIK	4. Latihan dan Pembangunan Kendiri	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bidang Kepakaran ▪ Pembangunan Kerjaya / Kepimpinan Akademik ▪ Produktiviti ▪ Kepimpinan Pengurusan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ e-Bakat ▪ Modul Latihan ▪ e-Konferensi ▪ Garis Panduan Mobiliti Akademik ▪ Mentor Mentee
	5. Pelan Penggantian	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis Kepimpinan dan Keperluan Baharu ▪ Mobiliti Bakat Keseluruhan ▪ Himpunan Bakat dan Segmen ▪ Pengekalan/Retensi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ e-Bakat ▪ Pemetaan Bidang Akademik ▪ Pemetaan kohot ▪ Mentor Mentee
	6. Pembangunan Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pementoran Berterusan ▪ Kedalaman Pengalaman/ Kepakaran Akademik dan Pentadbiran ▪ Kepimpinan Akademik ▪ Kepimpinan Pengurusan ▪ Merentasi Bidang 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ e-Bakat ▪ SIG ▪ RIG ▪ Tugas-tugas Khas
	7. Ganjaran dan Anugerah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ganjaran Pencapaian (Kenaikan Pangkat/Malim Ilmu/Anugerah Perkhidmatan Cemerlang/ Pencalonan Anugerah Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa ▪ Analisis Kecemerlangan, Kewibawaan dan Kesarjanaan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ e-Bakat

Penubuhan PPBA adalah satu langkah terbaik ke arah memartabatkan kedudukan ahli akademik UMT di peringkat kebangsaan dan global melalui perancangan rapi dan disokong oleh Transformasi Akademik. Penubuhan lapan Pusat Pengajian dan satu Pusat Pendidikan juga dijangka mampu melonjak kecemerlangan ahli akademik serta pengajaran dan pembelajaran di UMT.

TERAS 2

**PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN**

UNIVERSITI MALAYSIA
TERENGGANU



Penubuhan Pusat Pengajian

UMT berhasrat untuk melonjakkan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran dengan melaksanakan transformasi akademik. Pada 1 Disember 2013, UMT telah menubuhkan lapan buah pusat pengajian dan sebuah pusat pendidikan bagi menggantikan sistem fakulti. Sistem pusat pengajian dilaksanakan bagi membolehkan UMT memberi fokus kepada bidang tujuhan (nic) dan pada masa yang sama program pengajian disusun semula mengikut disiplin keilmuan. Semua pusat pengajian memberi tumpuan kepada menjayakan dan mengembangkan program pengajian yang berkaitan dengan keilmuan masing-masing. Berikut adalah pusat pengajian/pusat pendidikan di UMT:

- i. Pusat Pengajian Sains Asas
- ii. Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
- iii. Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
- iv. Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur
- v. Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan
- vi. Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
- vii. Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
- viii. Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
- ix. Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

Program Pengajian Prasiswazah

UMT menawarkan 26 program di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan satu program di peringkat Diploma. **Jadual 10** menunjukkan senarai program pengajian mengikut pusat pengajian.

Jadual 10 : Senarai Program Pengajian Mengikut Pusat Pengajian.

Bil	Kod Program	Program Pengajian
Pusat Pengajian Sains Asas		
1.	GS02	Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)
2.	GS28	Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan		
1.	GC10	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)
2.	GC28	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim
3.	GS08	Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)
4.	GS43	Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)

Bil	Kod Program	Program Pengajian
Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran		
1.	GG15	Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)
2.	GS40	Sarjana Muda Sains (Biologi Marin)
3.	GS03	Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)
4.	GS44	Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran)
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur		
1.	GG10	Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan)
2.	GG27	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur)
3.	G2051	Diploma Perikanan
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan		
1.	GS04	Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)
2.	GG09	Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)
3.	GG31	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai)
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi		
1.	GP04	Sarjana Muda Kaunseling
2.	GP31	Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)
3.	GE00	Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim		
1.	GE02	Sarjana Muda Perakaunan
2.	GP22	Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)
3.	GP08	Sarjana Muda Pengurusan (Pelancongan)
4.	GP18	Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)
5.	GS68	Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan		
1.	GG37	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim)
2.	GS15	Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi)
3.	GY06	Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)

Pengambilan Pelajar Baharu Program Prasiswazah

Bilangan pelajar baharu pada tahun 2013 meningkat sebanyak 5.8% di mana seramai **2,703** orang pelajar telah mendaftar pada tahun 2013 berbanding dengan 2,546 orang pelajar pada tahun 2012. Pengambilan pelajar baharu mengikut program pengajian adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11: Pengambilan Pelajar Baharu Mengikut Program Pengajian.

Bil.	Kod Program	Nama Program	2013	2012
Pusat Pengajian Sains Asas				
1	GS02	Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)	91	88
2	GS28	Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)	93	91
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan				
1	GC10	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	101	96
2	GC28	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim	51	48
3	GS08	Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)	99	101
4	GS43	Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)	112	96
Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran				
1	GG15	Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)	68	65
2	GS40	Sarjana Muda Sains (Biologi Marin)	72	56
3	GS03	Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)	97	84
4	GS44	Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran)	99	97
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur				
1	GG10	Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan)	117	103
2	GG27	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur)	111	104
3	G2051	Diploma Perikanan	133	116
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan				
1	GS04	Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)	85	85
2	GG09	Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)	91	86
3	GG31	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai)	77	82
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi				
1	GP31	Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)	139	142
2	GP04	Sarjana Muda Kaunseling	114	111
3	GE00	Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)	139	136
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim				
1	GP18	Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)	120	128
2	GS68	Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)	38	29
3	GE02	Sarjana Muda Perakaunan	135	136
4	GP22	Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)	146	139
5	GP08	Sarjana Muda Pengurusan (Pelancongan)	116	79
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan				
1	GG37	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim)	62	61
2	GS15	Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi)	94	85
3	GY06	Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)	103	102
JUMLAH			2703	2546



Enrolmen Pelajar Prasiswazah

Pada 31 Disember 2013, enrolmen pelajar UMT bagi program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma adalah seramai 8,028 orang. Jumlah ini meningkat sebanyak 10% berbanding 7,296 orang pada tahun 2012. Enrolmen pelajar mengikut program pengajian adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12: Enrolmen Pelajar Mengikut Program Pengajian.

Bil.	Kod Program	Nama Program	2013	2012
Pusat Pengajian Sains Asas				
1.	GS02	Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)	269	262
2.	GS28	Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)	277	257
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan				
1.	GC10	Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kejuruteraan Perisian) / Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	20 268	76 177
2.	GC28	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim	129	87
3.	GS08	Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)	295	260
4.	GS43	Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)	302	265
Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran				
1.	GG15	Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)	186	151
2.	GS40	Sarjana Muda Sains (Biologi Marin)	177	153
3.	GS03	Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)	265	246
4.	GS44	Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran)	289	259

Bil.	Kod Program	Nama Program	2013	2012
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur				
1.	GG10	Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan)	308	252
2.	GG27	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur)	308	278
3.	G2051	Diploma Perikanan	357	335
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan				
1.	GS04	Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)	321	312
2.	GG09	Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)	316	287
3.	GG31	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai)	227	207
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi				
1.	GP31	Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)	396	378
2.	GP04	Sarjana Muda Kaunseling	424	412
3.	GE00	Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)	410	406
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim				
1.	GP18	Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)	369	334
2.	GS68	Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)	132	126
3.	GE02	Sarjana Muda Perakaunan	501	499
4.	GP22	Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)	439	428
5.	GP08	Sarjana Muda Pengurusan (Pelancongan)	194	79
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan				
1.	GG37	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim)	218	208
2.	GS15	Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi)	263	214
3.	GY06	Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)	368	348
JUMLAH			8,028	7,296

Senarai Program Pascasiswazah

UMT menawarkan program Doktor Falsafah dan Sarjana Sains struktur penyelidikan dalam 38 bidang. Di samping itu, UMT berjaya menambah satu lagi program baharu peringkat Sarjana (Kerja Kursus) pada tahun 2013 iaitu program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA). Jumlah program peringkat Sarjana (Kerja Kursus) ialah tiga program. **Jadual 13** menunjukkan senarai bidang program pascasiswazah.

Jadual 13: Senarai Bidang Program Pascasiswazah.

Bidang Pengajian Struktur Penyelidikan	
1. Akuakultur	20. Penderiaan Jauh
2. Biodiversiti dan Pemuliharaan	21. Pengajian Maritim
3. Biokimia	22. Pengajian Sosial
4. Biologi Molekul dan Sel	23. Pengurusan
5. Bioteknologi	24. Perakaunan
6. Botani	25. Perikanan
7. Ekologi	26. Sains Akuatik
8. Ekonomi	27. Sains Haiwan
9. Falsafah dan Ketamadunan	28. Sains Kimia
10. Fisiologi	29. Sains Komputer
11. Fizik	30. Sains Makanan
12. Genetik	31. Sains Marin
13. Kaunseling	32. Sains Matematik
14. Kewangan	33. Sains Tanaman
15. Komunikasi	34. Teknologi dan Pengurusan Alam Sekitar
16. Linguistik Terapan	35. Teknologi Kimia
17. Mikrobiologi	36. Teknologi Lepas tuai
18. Oseanografi	37. Teknologi Maritim
19. Pemasaran	38. Zoologi
Bidang Pengajian Program Sarjana (Kerja Kursus)	
1. Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu)	
2. Sarjana Pentadbiran Perniagaan	
3. Sarjana Sains (Akuakultur)	

Pengambilan Pelajar Pascasiswazah

Bilangan pelajar baharu tahun 2013 telah meningkat sebanyak 2.7% iaitu seramai 261 orang pelajar berbanding 254 orang pelajar pada tahun 2012. Perinciannya adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14: Pengambilan Pelajar Pascasiswazah.

Program	Pengambilan Pelajar	
	2013	2012
Doktor Falsafah (Penyelidikan)	73	82
Sarjana Sains (Penyelidikan)	131	128
Sarjana (Kerja Kursus)	57	44
JUMLAH KESELURUHAN	261	254

Enrolmen Pelajar Pascasiswazah

Enrolmen pelajar pascasiswazah bagi tahun 2013 meningkat sebanyak 12.5% iaitu seramai 756 pelajar berbanding 672 pelajar bagi tahun 2012. Perinciannya adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15: Enrolmen Pelajar Pascasiswazah Mengikut Program.

Program	Enrolmen Pelajar	
	2013	2012
Doktor Falsafah (Penyelidikan)	247	206
Sarjana Sains (Penyelidikan)	445	410
Sarjana (Kerja Kursus)	64	56
JUMLAH KESELURUHAN	756	672

Penajaan Pelajar Pascasiswazah

Terdapat sedikit penurunan jumlah penerima biasiswa pada tahun 2013 (33.02%) berbanding tahun 2012 (37.10%) iaitu penurunan sebanyak 4.08%. Senarai Penajaan bagi pelajar Pascasiswazah tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16: Senarai Penaja Pelajar Pascasiswazah.

Bil	Nama Penaja	2013	2012
1.	Biasiswa Tuanku Canselor	2	2
2.	Biasiswa UMT	3	2
3.	Institut Teknikal Tinggi Malaysia (TATI)	1	1
4.	Jabatan (UMT)	12	18
5.	Jabatan Perkhidmatan Awam	5	9
6.	Kementerian Pendidikan Malaysia	6	1
7.	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	2	1
8.	Kerajaan Luar Negara	19	19
9.	Kolej Universiti Islam Antarabangsa	1	1
10.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	1	-
11.	MyMaster (KPTM) Sains	80	75
12.	MyMaster (KPTM) Sains Sosial	16	20
13.	MyPhD (KPTM) Sains	53	33
14.	MyPhD (KPTM) Sains Sosial	10	5
15.	NSF	-	2
16.	PGD	-	1
17.	Setiausaha Kerajaan Terengganu	1	2
18.	Siswazah Pembantu/Graduate Assistantship (GRA)	17	13

Bil	Nama Penaja	2013	2012
19.	Skim Kewangan Siswazah	-	41
20.	SLAB	9	10
21.	SLAI	9	7
22.	Universiti Teknologi Mara	1	-
23.	Yayasan Tunku Abdul Rahman	1	-
JUMLAH		249	263

Pelajar Antarabangsa

Enrolmen pelajar antarabangsa bagi program pascasiswazah dan prasiswazah pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 mengikut negara adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 17: Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara

Bil	Negara	2013	2012
1.	Algeria	2	3
2.	Bangladesh	1	-
3.	Bosnia Herzegovina	-	5
4.	China	8	24
5.	India	2	-
6.	Indonesia	30	27
7.	Jepun	1	-
8.	Jordan	8	1
9.	Kanada	-	1
10.	Libya	13	12
11.	Mesir	1	-
12.	Morocco	1	-
13.	Nigeria	5	4
14.	Oman	2	1
15.	Pakistan	4	6
16.	Palestin	1	-
17.	Perancis	1	-
18.	Sudan	4	5
19.	Tanzania	2	3
20.	Thailand	6	5
21.	Uzbekistan	1	1
22.	Vietnam	3	1
23.	Yaman	12	11
JUMLAH		108	110

“UMT berhasrat untuk melonjakkan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran dengan melaksanakan transformasi akademik dan pada 1 Disember 2013, UMT telah menubuhkan lapan buah pusat pengajian dan sebuah pusat pendidikan bagi menggantikan sistem fakulti”.

Pencapaian Akademik Graduan

Majlis Konvokesyen Ke-11 UMT telah diadakan pada 19 dan 20 Oktober 2013. Majlis tersebut telah diadakan sebanyak empat sesi dan seramai 1,962 graduan telah menerima ijazah dan diploma masing-masing. Daripada jumlah tersebut, seramai 15 orang terdiri daripada graduan Doktor Falsafah, 114 graduan Sarjana, 1,727 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 106 graduan Diploma.

Pecahan graduan mengikut peringkat pengajian adalah seperti di **Jadual 18**. Manakala pecahan graduan mengikut kelas bagi program Ijazah Sarjana Muda adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 18: Pecahan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian.

Peringkat Pengajian	Graduan	
	2013	2012
Doktor Falsafah	15	13
Sarjana Sains (Struktur Penyelidikan)	67	65
Sarjana (Kerja Kursus)	47	34
Sarjana Muda	1,727	1,866
Diploma	106	102
JUMLAH	1,962	2,080

Jadual 19: Pencapaian Graduan Ijazah Sarjana Muda.

Kelas	2013	2012
Cemerlang	54	42
Kepujian	1,673	1,824
JUMLAH	1,727	1,866

Penerima Ijazah Kehormat dan Anugerah Peringkat Universiti

Sempena Majlis Konvokesyen Ke-11, UMT telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada YBhg. Profesor Emeritus Dato’ Sri Dr. Zakri Abdul Hamid dan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan kepada YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor.

Lima orang graduan telah menerima anugerah peringkat universiti. Graduan berkenaan adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20: Senarai Penerima Anugerah Peringkat Universiti.

Anugerah	Pemenang	Program	Fakulti
Anugerah Pelajaran Diraja	Raveca Ak Ridi	Sarjana Muda Kaunseling	Fakulti Pembangunan Sosial
	Ng Bee Yin	Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)	Fakulti Sains dan Teknologi
Pingat Emas Canselor	Nur Nadjla binti Ahmad Razei	Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan)	Fakulti Perikanan dan Akua-Industri
Anugerah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	Mohd Rivaie bin Mohd Ali	Doktor Falsafah (Sains Matematik)	Fakulti Sains dan Teknologi
	Jaya Kumar a/ Shamnugam	Sarjana Sains (Perakaunan)	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Latihan Industri

Latihan Industri (LI) merupakan platform terbaik kepada pelajar terhadap keadaan sebenar di alam pekerjaan. Melalui LI, pelajar dapat melihat dan mengambil bahagian serta mendapat pendedahan daripada teori yang telah diajar serta mempraktikkan pengetahuan yang ada dalam menjalankan tugas.





“Sempena Majlis Konvokesyen Ke-11, UMT telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada YBhg. Profesor Emeritus Dato’ Sri Dr. Zakri Abdul Hamid dan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan kepada YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor”.

Pada tahun 2013, seramai 1,426 pelajar telah menjalani latihan industri di dalam dan luar negara. Agihan pelajar mengikut pusat pengajian dan penempatan adalah seperti **Jadual 21**.

Jadual 21: Bilangan Pelajar Menjalani Latihan Industri Tahun 2013 Mengikut Pusat Pengajian.

Pusat Pengajian (PP)	Bilangan Pelajar Menjalani LI Tahun 2013	
	Dalam Negara	Luar Negara
PP Perniagaan dan Pengurusan Maritim	337	2
PP Pembangunan Sosial dan Ekonomi	319	0
PP Informatik dan Matematik Gunaan	49	0
PP Kejuruteraan Kelautan	206	4
PP Sains Marin dan Sekitaran	77	0
PP Sains Perikanan dan Akuakultur	290	15
PP Sains dan Teknologi Makanan	121	6
JUMLAH	1,399	27

TERAS 3

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

UNIVERSITI
MALAYSIA
TERENGGANU



Transformasi penyelidikan di UMT memperlihatkan impak positif melalui penjenamaan semula bidang tujahan yang baharu iaitu Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik. Dengan wujudnya bidang tujahan tersebut, ia telah berjaya menggerakkan penyelidikan fundamental, penyelidikan berpasukan berbentuk multi dan trans-disiplin, memperkukuh serta mempelbagaikan kapasiti penggunaan fasiliti penyelidikan dan menyemarak budaya inovasi dalam kalangan bakat akademik.

Selain itu, perolehan geran penyelidikan juga turut meningkat dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya dan perolehan tersebut juga telah mengatasi perolehan geran oleh universiti penyelidikan. Ini menunjukkan komitmen yang padu telah diberikan oleh para penyelidik UMT yang mana 59 peratus ahli akademik adalah ketua projek yang aktif bagi tahun semasa. Kecemerlangan dalam pencapaian penyelidikan bukan sahaja dalam perolehan geran tetapi juga dalam penghasilan penulisan hasil kajian penyelidikan serta penghasilan harta intelek.

Sehubungan itu, sebanyak 932 hasil kajian penyelidikan yang terdiri daripada artikel jurnal, prosiding, buku dan lain-lain penerbitan telah dihasilkan. Nisbah artikel jurnal tidak terindeks kepada artikel jurnal terindeks diperoleh pada tahun ini adalah 1:3. Sekali gus menggambarkan semangat serta komitmen yang tinggi telah disumbangkan oleh para penyelidik UMT ke arah penghasilan hasil kajian yang lebih berkualiti.

Prestasi dan Sumber Dana Penyelidikan

Sepanjang tahun 2013, bilangan penerimaan geran UMT telah meningkat melebihi tiga kali ganda yang menyamai 256 projek penyelidikan berbanding 78 projek penyelidikan tahun sebelumnya. Secara tidak langsung jumlah perolehan pada tahun 2013 juga meningkat dari RM7,440,990.00 kepada RM14,557,650.00 seperti yang ditunjukkan di **Jadual 22**.

Jadual 22: Ringkasan Penerimaan Geran Penyelidikan bagi Tahun 2013.


Bil.	Nama Geran	2013		2012	
		Perolehan (RM)	Bil.	Perolehan (RM)	Bil.
1	FRGS (KPM)	6,073,593.00	63	1,364,100.00	13
2	ERGS (KPM)	1,756,880.00	18	1,209,000.00	16
3	PRGS (KPM)	455,000.00	2	499,920.00	1
4	RACE (KPM)	0.00	0	378,497.00	8
5	RAGS (KPM)	1,900,000.00	30	0.00	0
6	KTP (KPM)	788,908.00	6	125,610.00	1
7	NRGS (KPM)	1,000,000.00	1	0.00	0
8	LRGS (UMT-UPM)	0.00	0	23,800.00	1
9	SCIENCEFUND MOSTI	655,000.00	3	3,310,290.00	13
10	ABI/MOSTI	500,000.00	1	0.00	0
11	UTM/MOSTI	32,000.00	1	0.00	0
12	MOSTI (UKM)	0.00	0	43,000.00	1
13	Tabung Majlis Profesor Negara	90,000.00	1	0.00	0
14	AADK	0.00	0	56,420.00	1
15	IPPBM	0.00	0	47,750.00	3
16	NAHRIM	0.00	0	35,000.00	1
17	MAPAN	40,000.00	1	0.00	0
18	Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN)	25,000.00	1	0.00	0
19	TPM (UMT)	0.00	0	347,603.00	19
20	GGP (UMT)	1,136,200.00	125	0.00	0
21	MECIP Global Engineers Sdn. Bhd.	27,500.00	1	0.00	0
22	GT Bioscience Sdn. Bhd.	45,550.00	1	0.00	0
23	Commonwealth Scientific And Industrial Research Organization of Australia (CSIRO)	32,019.00	1	0.00	0
JUMLAH MENGIKUT TAHUN		14,557,650.00	256	7,440,990.00	78

Singkatan :

FRGS : *Fundamental Research Grant Scheme*
 ERGS : *Exploratory Research Grant Scheme*
 PRGS : *Prototype Research Grant Scheme*
 RACE : *Research Acculturation Collabrate*
 RAGS : *Research Acculturation Grant Scheme*
 KTP : *Knowledge Transfer Programme*
 NRGS : *Niche Research Grant Scheme*
 LRGS : *Long Term Research Grant Scheme*
 ABI : *Agro Biotechnology Institute*


UTM : Universiti Teknologi Malaysia
 MOSTI : *Ministry of Science, Technology and Innovation*
 AADK : Agensi Anti Dadah Kebangsaan
 IPPBM : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
 NAHRIM : Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia
 MAPAN : Majlis Aspirasi Pemangkin Nasional
 TPM : Tabung Penyelidik Muda
 GGP : Geran Galakan Penyelidikan
 IPPTN : Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara
 KPM : Kementerian Pendidikan Malaysia

Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan penyumbang tertinggi pada tahun 2013 dengan peratusan sebanyak 42% berjumlah RM6,073,593.00. Seterusnya diikuti oleh geran ERGS dan RAGS yang juga ditaja oleh KPM masing-masing berjumlah RM1,756,880.00 dan RM1,900,000.00. Secara keseluruhannya KPM merupakan penyumbang terbesar geran penyelidikan pada tahun 2013 melalui enam jenis skim yang diluluskan oleh KPM seperti mana yang ditunjukkan dalam **Rajah 3**.



Rajah 3: Pecahan Peratusan Geran Berdasarkan Perolehan Mengikut Jenis Geran yang Diterima bagi Tahun 2013.

Rajah 4 menunjukkan penerimaan geran-geran di UMT mengikut sumber utama iaitu sumber kerajaan, swasta/NGO, luar Malaysia dan sumber dalaman universiti. Penerimaan sumber terbesar pada tahun 2013 adalah melalui tajaan kerajaan berjumlah RM14,452,581.00 merangkumi 253 projek penyelidikan. Projek-projek yang terlibat dalam geran tersebut ialah *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS), *Exploratory Research Grant Scheme* (ERGS), *Prototype Research Grant Scheme* (PRGS), *Research Acculturation Grant Scheme* (RAGS), *Niche Research Grant Scheme* (NRGS), *Science Fund MOSTI*, *Agro Biotechnology Institute* (ABI MOSTI), *Science Fund MOSTI* (kerjasama dengan UTM), Tabung Majlis Profesor Negara, Majlis Aspirasi Pemangkin Nasional (MAPAN) dan Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN).



Rajah 4: Penerimaan Geran Penyelidikan Mengikut Sumber Pada Tahun 2013.

Penyertaan dalam Pameran dan Pertandingan Produk Inovasi Penyelidikan

Sebanyak empat pameran telah disertai oleh para penyelidik UMT yang meliputi satu pameran peringkat antarabangsa dan tiga pameran peringkat kebangsaan seperti dalam **Jadual 23**.

Jadual 23: Senarai Pameran dan Pertandingan yang Disertai oleh UMT.

Tarikh	Pameran dan Pertandingan
21 - 23 Februari 2013	Malaysia Technology Expo (MTE) 2013, Kuala Lumpur
9 - 11 Mei 2013	International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2013, Kuala Lumpur
7 - 9 November 2013	International Conference and Exposition on Invention of Institutes of Higher Learning (PECIPTA), KLCC Kuala Lumpur
31 Oktober - 3 November 2013	International Trade Fair Ideas Invention New Products (IeNA), Nuremberg, Germany

Pencapaian dalam Pameran dan Pertandingan Produk Inovasi Penyelidikan

Sebanyak 38 pingat dan 2 anugerah melalui 40 penyertaan produk di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah berjaya diraih. Pencapaian pingat dan anugerah pameran ditunjukkan dalam **Jadual 24**.

Jadual 24: Ringkasan pencapaian penerimaan Anugerah Pameran dan Pertandingan Produk Inovasi Penyelidikan.

Pameran	Jumlah Penyertaan	Emas	Perak	Gangsa	Anugerah Terbaik	Jumlah
PERINGKAT KEBANGSAAN						
MTE 2013	12	3	3	5	1	12
ITEX 2013	11	4	7	0	0	11
PECIPTA	15	4	7	3	1	15
Jumlah	38	11	17	8	2	38
PERINGKAT ANTARABANGSA						
iENA, Nuremburg, Germany	2	2	0	0	0	2
Jumlah	2	2	0	0	0	2
JUMLAH KESELURUHAN	40	13	17	8	2	40

“Sepanjang tahun 2013, UMT telah berjaya meraih 38 pingat dan 2 anugerah melalui 40 penyertaan produk di peringkat kebangsaan dan antarabangsa”.

Senarai penuh pingat dan anugerah yang berjaya diperolehi oleh para penyelidik UMT adalah seperti dalam **Jadual 25** sehingga **Jadual 28**.


Jadual 25: Malaysia Technology Expo 2013 (MTE) Putra World Trade Centre, 21-23 Februari 2013.

Bil	Produk	Nama	Pencapaian
1	V Thio-Green Solar: Environmental Friendly Single Molecule Disubstituted Thiourea-Chlorophyll Solar Cell	Prof. Madya Dr. Wan Mohd Khairul Wan Mohamed Zain	Emas & Anugerah Terbaik
2	Penganalisa Kualiti Model Berorientasikan Objek (Q-OOMA)	Dr. Noraida Haji Ali	Emas
3	e-Panggilan:Database Management System for Muslim Wedding Invitations via Online	Dr. Mustafa Man	Emas
4	A Promising Sustainable OLED Material	Dr. Tei Woo Chiat	Perak
5	Simplifying Coral Reef Monitoring via Video Sequences	Prof. Madya Dr. Muhammad Suzuri Hitam	Perak
6	A Retirement Projection Tools for Employee's Future Planning and Job Placement	Dr. Mustafa Man	Perak
7	Vehicle Tracking System Using RFID	Prof. Madya Dr. Noor Maizura Mohamad Noor	Gangsa
8	ChloroCELL	Pn. Hasiah Salleh	Gangsa
9	Synergy PHERO-My RPW Trap	Dr. Wahizatul Afzan Azmi	Gangsa
10	A Machine for Removing Roselle Flower Seed Pods	Dr. Fazlil Ilahi Abdul Wahab	Gangsa
11	Nickel/Aluminium/Layered Double Hydroxide as a Potential Adsorbent	Dr. Mazidah Mamat	Gangsa
12	Trihexyltetradecylphosphonium-Montmorillonites: Nanofiller for Polymeric Material with High Thermal Resistance	Dr. Aidil Adhha Abdullah	-

Jadual 26: International Invention, Innovation and Technology (ITEX) 2013 KLCC, KUALA LUMPUR, 9-11 Mei 2013.

Bil	Produk	Nama	Pencapaian
1	A Comprehensive Wind Mapping for Malaysia	Prof. Madya Dr. Mohd Zamri Ibrahim	Emas
2	E-Kumbang (RPW): A Web Based Red Palm Weevil (RPW) Controlling and Monitoring Tools	Dr. Mustafa Man	Emas
3	I-Klon : Rubber Clone Management and Recognition System	Dr. Masita @ Masila Abdul Jalil	Emas
4	Chicken Skin Gelatin	Dr. Norizah Mhd Sarbon	Emas
5	ROZZ: Emerging the Secret of Rapid Skin Rejuvenation	Prof. Madya Dr. Mohd Zul Helmi Rozaini	Perak

Bil	Produk	Nama	Pencapaian
6	"Tanaseal" As A Method for Preservation Of Agricultural Product As Feed For Livestock	Dr. Suparjo Noordin Mokhtar	Perak
7	Leng-Composites: Eco Friendly Agro Wastepolymer Composites	Dr. Mohamad Awang	Perak
8	Ma-Ldh: As Adsorbent For Dye Removal In Aqueous Solution For Batik Industry	Dr. Mazidah Mamat	Perak
9	An Island Tourist Advisory System: ITAS	Dr. Noraida Haji Ali	Perak
10	Ipocket: Universal Anion Sensor That Can Sense and Separate Anions From Waterways System	Dr. Maisara Abdul Kadir	Perak
11	Oil-Palm Shell Activated Carbon Production Using CO2 Emission from CaCO3 Calcination	Encik Mahmood Sulaiman	Perak



Jadual 27: International Conference and Exposition on Invention of Institutes of Higher Learning (PECIPTA), KLCC, KUALA LUMPUR, 7-9 November 2013.

Bil	Produk	Nama	Pencapaian
1	Tuoxo-Green Solar	Prof. Madya Dr. Wan Mohd Khairul Wan Mohamed Zin	Anugerah Khas & Emas
2	Application of Hydroxyapatite Product from Fishbone Wastes of Crackers Processors for Water Filter in Coastal Community	Dr. Dara Aisyah H.M. Ali Puteh	Emas
3	Rest of Bone Fish Processing Fish Filet Entrepreneurs for Making Chocolate Products	Dr. Dara Aisyah H.M. Ali Puteh	Emas
4	Wave Energy System for Electricity Power Generation	Prof. Madya Dr. Mohd Zamri Ibrahim	Emas
5	Increasing Live Food Visibility for Juvenile Seahorses Using Colorants	Prof. Dr Mohd Effendy Abd Wahid	Perak
6	Bf Nano-V	Prof. Madya Dr. Mohd Zul Helmi Rozaini	Perak
7	Chloro Cell	Pn. Hasiyah Salleh	Perak
8	Colag Biopolymer Electrolyte	Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam Mohamad Isa	Perak
9	Flex-Fish Feed	Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim	Perak
10	Green Fish-Pellet: Grow and Glow	Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim	Perak
11	Vehicle Tracking Using Rfid (Vtrack)	Prof. Madya Dr. Mohd Pouzi Hamzah	Perak
12	E-Manpower : Web Database Management System for Manpower Supplier	Dr. Mustafa Man	Gangsa
13	The Evolution of Tender Selection and Evaluation Method	Prof. Madya Dr. Noor Maizura Mohamad Noor	Gangsa
14	Synergy Kairo-My Rpw Pheromone Trap	Dr. Wahizatul Afzan Azmi	Gangsa
15	e-Discipline: Web Based Tools for Monitoring and Controlling of Student Misconduct	Dr. Mustafa Man	-

Jadual 28: International Trade Fair Ideas Invention New Products (iENA), Nuremburg, Germany 31 Oktober – 3 November 2013.

Bil	Produk	Nama	Pencapaian
1	Wave Energy System for Electricity Power Generation	Prof. Madya Dr. Mohd Zamri Ibrahim	Emas
2	"FeAzOLED: A Promising Sustainable OLED Material"	Dr. Tei Woo Chiat	Emas

Pengkomersilan

Bagi tahun 2013, terdapat dua perjanjian pra-pengkomersilan hasil penyelidikan telah ditandatangani seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 29**.

Jadual 29: Perjanjian pra-Pengkomersialan Hasil Penyelidikan Tahun 2013.

Bil	Nama Produk	Syarikat	Ketua Penyelidik	Bentuk Perjanjian	Terimaan
1.	<i>Antimicrobial lotion for wound healing</i>	GT Bioscience Sdn. Bhd.	Dr. Nurul Huda Abd. Kadir	Kerjasama pembangunan produk	RM35,000.00
2.	<i>Mannheimia haemolytica vaccine</i>	Revongen Corporation Sdn. Bhd.	Prof. Dr. Mohd Effendy Abd. Wahid	Non-Disclosure Agreement	-

Harta Intelek

UMT telah menghasilkan lima hak milik paten sehingga akhir tahun 2013. Dua daripada paten tersebut diluluskan pada tahun 2013. Senarai paten tersebut adalah seperti dalam **Jadual 30**.

Jadual 30: Senarai Paten UMT Sehingga 2013.

Bil	No Paten/ Tarikh kelulusan	Tajuk	Penyelidik
1.	MY-145128-A/ 30 Dis 2012	<i>Oligonucleotides for Detecting Hemolysin Gene in Aeromonas spp.</i>	Prof. Madya Dr. Najiah Musa dan Lee Kok Leong
2.	MY-145134-A/ 30 Dis 2012	<i>Oligonucleotides for Detecting a Target Gene in Koi Herpes Virus</i>	Prof. Madya Dr. Najiah Musa dan Lee Kok Leong
3.	MY-145192-A/ 30 Dis 2012	<i>Antimicrobial lotion for wound healing</i>	Prof. Dr. Awang Soh Mamat dan Dr. Nurul Huda Abdul Kadir
4.	MY-148570 – A/ 30 April 2013	<i>Health Supplement Composition of sea cucumber</i>	Prof. Dr. Effendy Abd Wahid
5.	MY-148638-A/ 15 Mei 2013	<i>Animal feed from red seaweed</i>	Prof. Dr. Awang Soh Mamat

Selain itu, lima permohonan pendaftaran paten baharu telah difailkan pada tahun 2013 menjadikan bilangan keseluruhan permohonan pendaftaran paten sebanyak 11 seperti yang disenaraikan dalam **Jadual 31**.

Jadual 31: Senarai Pendaftaran Paten UMT sehingga 2013.

Bil	Tajuk	Penyelidik	Tarikh Pendaftaran	No Pendaftaran
1.	<i>Natural Medicament from Chromolaenaodorata for Treating Leukaemia with Anti-Oxidative Properties and Method Preparing the Same</i>	Prof. Dr. Awang Soh Mamat dan Dr. Nurul Huda Abdul Kadir	27 Januari 2006	PI 20060405
2.	<i>Mannheimia Haemolytica Vaccine</i>	Prof. Dr. Mohd Effendy Abd Wahid dan Prof. Dr. Mohd Zamri Saad	09 Februari 2006	PI 20060550
3.	<i>Insect Repellent</i>	Prof. Dr. Awang Soh Mamat dan Dr. Nurul Huda Abdul Kadir	29 Februari 2008	PI 20080449
4.	<i>Process for The Preparation of Amoebocyte Lysate from the Haemolymph of the Horseshoe Crab</i>	Dr. Noraznawati Ismail, Dr. Mariam Taib, Dr. Ahmad Shamsuddin Ahmad dan Dr. Anil Kumar Chatterji	29 Oktober 2010	PI2010005112
5.	<i>Method of Promoting Growth and Biomass Yield in Plants Using Seaweed</i>	Prof. Dr. Faizah Mohd Shaharom, Pradeep Padmaja Jayaprasad Sriyaya Thekkeparambil Chandrabose, Prof. Dr. Anuar Hassan dan Dr. Anil Kumar Chatterji	20 Mei 2011	PI2011700074
6.	<i>An Improved Fish Food and A Method of Producing Thereof</i>	Prof. Dr. Faizah Mohd Shaharom, Pradeep Padmaja Jayaprasad Sriyaya Thekkeparambil Chandrabose, Prof. Dr. Anuar Hassan dan Dr. Anil Kumar Chatterji	16 Mei 2012	PI201200295
7.	<i>Process for The Preparation of Amoebocyte Lysate from the Haemolymph of the Horseshoe Crab</i>	Prof. Madya Dr. Noraznawati Ismail, Prof. Madya Dr. Mariam Taib, Prof. Madya Dr. Ahmad Shamsuddin Ahmad dan Dr. Anil Kumar Chatterji	PCT 29 April 2013	US Patent 13/882313
8.	<i>Method for Production Copepod Based on Agricultural Waste Materials And Products</i>	Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim dan Selinna Mohd Zaki Tan	20 Mac 2013	PI2013000950
9.	<i>Offshore Aquaculture Very Large Floating Structure for Oceanic Seaweed</i>	Ir. Dr. Sulaiman Oladokun Olanrewaju	3 Mei 2013	PI2013001596
10.	<i>Multipurpose Protective Barrier for High Wind Velocity</i>	Dr. Mohamad Rosni Othman	11 September 2013	PI2013701622
11.	<i>Wave Energy System for Electricity Power Generation</i>	Prof. Madya Dr. Mohd Zamri Ibrahim, Lafsah Mat Daud dan Safina Mohad	20 September 2013	PI2013701726

Sebagai langkah strategik dalam pengkomersilan hasil penyelidikan, beberapa hasil penyelidikan turut didaftarkan sebagai cap dagang. Senarai cap dagang UMT sehingga 2013 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

Jadual 32: Senarai Cap Dagang 2013.

Bil	Cap Dagang	No. Pendaftaran
1.	<i>Amebax : A Novel Product For Treatment Of Acanthamoeba Keratitis</i>	TM 05013070 (Class: 5)
2.	<i>Tal-Kit : Rapid Endotoxin Detection Kit</i>	2011053534 (Class: 1,5,10)
3.	<i>Flexi Fish Fleed</i>	2013013385 (Class: 31)

Special Interest Group (SIG)


Pembentukan Special Interest Group (SIG) di UMT bermula pada tahun 2010 dengan konsep penubuhan menyokong enam nic yang ada pada ketika itu iaitu *Oceanography and Marine Science, Aquaculture, Social-Economic Development, Marine Biotechnology, Food Security dan Sustainable Environment*. Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) berperanan menjadi tunjang kepada proses pengoperasian dan pengurusan penyelidikan di UMT dan sentiasa menyokong pergerakan dan pematapan nic penyelidikan.

Peredaran masa yang sangat pantas memerlukan perubahan dari segi perancangan, cara kerja, strategi serta kaedah untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Peranan SIG diperkasakan dengan azam dan tekad untuk menjadi sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global.

Pada awal tahun 2013, tema nic baharu iaitu Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik telah diperkenalkan menggantikan enam nic sedia ada. Nic baharu ini terhasil daripada kekuatan bidang yang dikenal pasti mampu menggembeleng kepakaran sedia ada mencakupi kepelbagaian ilmu merentasi disiplin dan pembudayaan gagasan penyelidikan sepanjang hayat. Ini bererti, semua program dan projek penyelidikan perlu mempunyai hubungan erat dengan pembangunan ekosistem lautan dan pesisir pantai serta sungai dan tasik. Ia meliputi pembangunan kemanusiaan, ekonomi, sumber asli, pemuliharaan warisan tabii, sains gunaan dan pembangunan teknologi, khususnya dari perspektif kesejahteraan komuniti, kesihatan alam sekitar dan penjanaan kekayaan negara.


Penerbitan

Keseluruhan 932 penerbitan telah dihasilkan oleh universiti pada tahun 2013, di mana 485 daripadanya merupakan artikel jurnal, 308 prosiding, 34 buah buku dan 105 lain-lain seperti dalam **Rajah 5**.



Rajah 5: Jumlah Penerbitan Mengikut Kategori Sepanjang 2013.

Sepanjang tahun 2013, Penerbit UMT telah menghasilkan 42 penerbitan ilmiah dan 12 penerbitan korporat termasuk laporan dan juga majalah. Pencapaian ini melebihi penerbitan tahun sebelumnya. Maklumat penerbitan dinyatakan dalam **Rajah 6**.



Rajah 6: Perbandingan Penerbitan yang dihasilkan oleh UMT pada Tahun 2012 dan 2013.

“Keseluruhan penerbitan yang dihasilkan oleh UMT pada tahun 2013 berjumlah 932 di mana 485 artikel jurnal, 308 prosiding, 34 buah buku dan 105 lain-lain.”

Penerbitan buku berkurangan berbanding tahun sebelumnya tetapi diseimbangkan pertambahan penerbitan monograf sebanyak sembilan judul, selaras dengan saranan Naib Canselor UMT yang mahukan para pensyarah dan juga pelajar pasca siswazah UMT menghasilkan monograf. Manakala jumlah penerbitan bersiri juga berkurangan, apabila penerbitan akhbar Samudera untuk pelajar dinaik taraf menjadi majalah mulai tahun 2013 dan jumlah penerbitan dihadkan kepada enam keluaran sahaja.

Pada tahun 2013 juga, UMT telah menerbitkan satu jurnal baharu dalam bidang sains sosial dikenali sebagai Jurnal of Business and Social Development (JBSD). JBSD telah dilancarkan pada 4 Februari 2013 oleh Naib Canselor UMT, Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim bin Komoo. Manakala Journal of Sustainability Science and Management (JSSM) masih mengekalkan status terindeks dalam SCOPUS, Zoological Record, Google Scholar, Chemical Abstract, Scimago, Directory of Open Access Journals (DOAJ) dan MyCite.

UMT juga meneruskan aktiviti perkembangan penerbitan ilmiah dengan menganjurkan pelbagai aktiviti seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 33** berikut:

Jadual 33: Senarai Aktiviti Perkembangan Penerbitan Ilmiah.

Bil.	Perkara	Tarikh/Tempat	Jumlah Peserta
1.	Bengkel Penulisan Berita Wartawan Samudera	23 Mac 2013 KT Golf Club, Kuala Nerus, Terengganu	15 orang (pelajar)
2.	Bengkel Pemindahan Tesis ke Buku	19-21 April 2013 Redang Island Resort, Pulau Redang	30 orang (pelajar pascasiswazah, pensyarah)
3.	Bengkel Penerbitan Monograf Siri I	27-29 Jun 2013 Hotel Swiss Garden & Spa Resort, Kuantan	50 orang (pensyarah, pembantu penyelidik dan pegawai sokongan)
4.	Bengkel Penerbitan Monograf Siri II	21 Ogos 2013 Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu	50 orang (pensyarah, pembantu penyelidik dan pegawai sokongan)

Bil.	Perkara	Tarikh/Tempat	Jumlah Peserta
5.	Bengkel Pembinaan Soalan Buku Idris Jusoh Meneroka Gemilang Pendidikan	21 Ogos 2013 Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu	7 orang (Pegawai penerbitan, Pegawai Tadbir dan Pelajar Praktikal)
6.	Bengkel Pemurnian Soalan Buku Idris Jusoh Meneroka Gemilang Pendidikan	28 Ogos 2013 Bilik Perbincangan, Kompleks Siswa, UMT	7 orang (Pegawai penerbitan, Pegawai Tadbir dan Pelajar Praktikal)
7.	Bengkel Pemurnian Fail Meja Penerbit UMT	16 November 2013 Bilik Mesyuarat Utama, Kompleks Siswa UMT	12 orang (staf Penerbit UMT)
8.	Majlis Dialog Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu Tinggi	10 Disember 2013 Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur	110 orang
9.	Majlis Julangan Karyawan 2013	11 Disember 2013 Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur	200 orang

Sepanjang tahun 2013 juga UMT telah memenangi beberapa anugerah dan hadiah dalam bidang penerbitan. UMT berjaya mengekalkan kedudukan sebagai pemenang Hadiah Suar Bahasa 2013 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur untuk Majalah INFOKUS, kemenangan kali kedua sejak ia diperkenalkan pada tahun 2012. UMT juga telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Buku Perdana Buku Mewah Terbaik di Anugerah Buku Negara 2013. Maklumat kemenangan dinyatakan dalam **Jadual 34**.

Jadual 34: Anugerah dan Hadiah dalam Bidang Penerbitan.

Bil.	Nama Anugerah/ Hadiah	Tarikh Terimaan	Anjuran
1.	Anugerah Perdana Buku Mewah Terbaik Anugerah Buku Negara 2013 - Terbitan Khas Tuanku Canselor UMT Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah	12 Disember 2013	Yayasan Pembangunan Buku Negara dan Perpustakaan Negara
2.	Pemenang Utama Hadiah Suar Bahasa 2013 - Majalah INFOKUS	13 Oktober 2013	Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur
3.	Johan Kategori Bahasa Suar Bahasa 2013 - Majalah INFOKUS	13 Oktober 2012	Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur
4.	Naib Johan Kategori Penerbitan Hadiah Suar Bahasa 2013 - Majalah INFOKUS	13 Oktober 2012	Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur

Selain itu, UMT telah melaksanakan Program Perdana “Let’s Talk and Let’s Go Global: Memperkasa Komunikasi Bahasa Inggeris” sebagai salah satu program tranformasi ilmu universiti kepada komuniti setempat. Program yang dilaksanakan oleh Penerbit UMT ini melibatkan program Bahasa Inggeris selama enam bulan kepada 260 orang pelajar Tingkatan 4 bagi 13 sekolah di sekitar Kuala Terengganu. Program ini juga telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Negeri Terengganu.

UMT juga turut melaksanakan aktiviti mempromosi bahan-bahan penerbitan ilmiah ke seluruh negara dan juga ke peringkat global melalui laman sesawang <http://bookstore.umt.edu.my>, Google Books dan juga penyertaan pesta buku. **Jadual 35** menjelaskan penyertaan pesta buku yang telah diikuti oleh Penerbit UMT untuk mempromosi bahan terbitan UMT.

Jadual 35: Penyertaan Penerbit UMT dalam Pameran dan Pesta Buku.

Bil.	Pameran	Tarikh/ Tempat
1.	Pesta Buku 1Malaysia	30 Januari - 3 Februari 2013 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
2.	Pesta Buku Brunei	28 Februari - 10 Mac 2013 Brunei
3.	Pameran Buku Akademik UMT	24 - 28 Feb. 2013 Dewan Sultan Mizan
4.	Jom Masuk “U”	22 - 23 Mac 2013 Stadium Tertutup Terengganu
5.	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur	26 April - 5 Mei 2013 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
6.	Kuala Lumpur Trade Copyright Centre	23 - 25 April 2013 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
7.	Pesta Konvo UMT	17 - 20 Oktober 2013 Tapak Pesta Konvo, UMT
8.	Pesta Buku Akademik Universiti Malaya	27 - 31 Oktober Universiti Malaya

Pengiktirafan Penyelidikan

Majlis Anugerah Malim Ilmu (MAMI) merupakan majlis yang memberi pengiktirafan kepada penyelidik UMT secara tahunan. Anugerah ini diberikan kepada ahli akademik yang berjaya menunjukkan kecemerlangan holistik serta membuktikan keserjanaan bukan sahaja dalam penyelidikan dan pengajaran malah, turut serta

dalam menyumbangkan kepakaran penyelidikan kepada komuniti sosial di peringkat nasional atau global. MAMI buat julung kalinya telah diadakan pada tahun 2008 dengan memperkenalkan lima kategori anugerah.

Namun, bagi meneruskan kesinambungan tersebut serta menyemarakkan lagi budaya penyelidikan di UMT, telah berlaku beberapa transformasi dalam MAMI 2013 bagi kategori anugerah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Kategori anugerah baharu ditambahkan daripada lima kepada lapan anugerah serta tiga hadiah. Majlis Anugerah Malim Ilmu 2013 telah menampakkan kematangan dan sentiasa berusaha untuk memberikan pengiktirafan kepada ahli akademik bukan sahaja menjawat jawatan sebagai pengajar, pensyarah, saintis, penyelidik malah mereka juga merupakan agen perubahan kepada ketamadunan ilmu dalam bidang kepakaran masing-masing. Ia turut membuktikan bahawa UMT bergerak seiring dengan kebolehan dan kecemerlangan korpus ilmunya dalam era global yang ditampilkan dalam acuan tempatan.

Antara kategori anugerah dan hadiah yang telah disampaikan ialah:-

i. ANUGERAH PEMIMPIN AKADEMIK

(Sijil, Trofi dan Wang Tunai RM5,000.00)

a) Anugerah Pemimpin Akademik (Penyelidikan)

Prof. Madya Dr. Muhammad Ikhwanuddin @ Polity Abdullah

b) Anugerah Pemimpin Akademik
(Pengajaran)

Prof. Ir. Dr. Ahmad Jusoh

c) Anugerah Pemimpin Akademik
(Pemindahan Ilmu)

Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim

ii. ANUGERAH SAINTIS CEMERLANG

(Sijil, Trofi dan Wang Tunai RM5,000.00)

a) Anugerah Saintis Cemerlang (Sains Tulen)

**Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam
Mohamed Isa**

b) Anugerah Saintis Cemerlang
(Sains Gunaan & Kejuruteraan)

Prof. Madya Dr. Yeong Yik Sung



iii. ANUGERAH PENGAJAR CEMERLANG

(Sijil, Trofi dan Wang Tunai RM5,000.00)

Prof. Madya Dr. Mariam Taib

iv. ANUGERAH PEMIMPIN AKADEMIK MUDA

(Sijil, Trofi dan Wang Tunai RM3,000.00)

a) Anugerah Pemimpin Akademik Muda (Penyelidikan)

Prof. Madya Dr. Wan Mohd Khairul Wan Mohamed Zin

b) Anugerah Pemimpin Akademik Muda (Pengajaran)

Prof. Madya Dr. Mohd Zul Helmi Rozaini

c) Anugerah Pemimpin Akademik Muda (Pemindahan Ilmu)

Dr. Mustafa Man

v. ANUGERAH PENYELIDIK TAHUNAN

(Sijil, Trofi dan Wang Tunai RM3,000.00)

a) Anugerah Penyelidik Tahunan (Sains Gunaan & Kejuruteraan)

Prof. Madya Dr. Noor Maizura Mohamad Noor

b) Anugerah Penyelidik Tahunan (Sains Sosial)

Prof. Madya Dr. Nur Azura Sanusi

vi. INSENTIF MAKALAH JURNAL KUARTIL

1 DAN 2

(Sijil dan Wang Tunai)

48 orang penerima

vii. HADIAH PENGHARGAAN

PEROLEHAN GERAN 2012

(Sijil Penghargaan)


70 orang penerima

Secara keseluruhannya seramai 110 orang ahli akademik telah diberi pengiktirafan dalam majlis yang berprestij tersebut.



TERAS 4
PEMINDAHAN
ILMU

UNIVERSITI
MALAYSIA
TERENGGANU



Program pemindahan ilmu merupakan satu platform untuk menggalakkan kerjasama akademik dan industri-komuniti melalui pemindahan ilmu yang dijana di peringkat universiti untuk dikongsi dan diperluas dalam kalangan masyarakat. Pelbagai medium pemindahan ilmu dilaksanakan sepanjang tahun 2013 melalui program USR@UMT, Memorandum Persefahaman, Forum Rakan Industri (FRI), perundingan, khidmat nasihat dan sebagainya.

Program USR@UMT 2013

Tahun 2013 merupakan tahun kelima Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melaksanakan Program USR@UMT. Pelaksanaan program ini menggambarkan keprihatinan UMT dalam usaha menampilkan kewujudan UMT bukan sahaja sebagai institusi yang memberi impak positif kepada perkembangan di sektor pengajian tinggi Malaysia tetapi juga memberi impak yang signifikan kepada pembangunan masyarakat sekitar. Sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat sekitar, UMT merancang untuk melaksanakan tanggungjawab sosial supaya nikmat kewujudannya turut dirasakan melalui beberapa program yang dikenal pasti dapat menepati dan memenuhi kehendak pelbagai golongan masyarakat sekitar.

Senarai 13 program yang diadakan pada tahun 2013 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

Jadual 36: Program USR@UMT 2013 yang telah Dilaksanakan.

Bil	Program	Keterangan	Peserta
1.	Kursus Asas Parasit Tarikh: 20 – 23 Mei 2013 Tempat: Makmal Penyelidikan AKUATROP dan Tasik Kenyir	<ol style="list-style-type: none"> Melatih pelajar program Akuakultur Kolej Komuniti Tampin berkaitan dengan parasit ikan, Memenuhi KPI institut dalam aspek penganjuran bengkel Memperkenalkan AKUATROP kepada masyarakat dan agensi luar. 	Pelajar Akuakultur, Kolej Komuniti Tampin
2.	Delegasi UMT-UKM Kelab MAR'C sesi 2012/2013 Tarikh: 28 – 29 Mac 2013 Tempat: Universiti Kebangsaan Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> Menjalinkan hubungan dua hala antara mahasiswa dan mahasiswi UMT dan UKM. Salah satu medium kepada ahli-ahli kelab menimba pengalaman mengorganisasi dan mengendalikan aktiviti. Memberi peluang kepada mahasiswa/i dalam merancang dan menggerakkan aktiviti mereka sendiri disamping mendidik sikap berdisiplin dan berkerjasama dalam diri mahasiswa/i. 	80 orang pelajar UMT dan 18 orang pelajar UKM

Bil	Program	Keterangan	Peserta
3.	Delegasi UMT-UUM Kelab MAR'C sesi 2012/2013 Tarikh: 25 - 27 April 2013 Tempat: Universiti Teknologi Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalinkan hubungan dua hala antara UMT dan UUM. 2. Merapatkan hubungan dalam kalangan mahasiswa/i UMT dan UUM seterusnya bertindak sebagai medium kepada ahli-ahli kelab menimba pengalaman mengorganisasi dan mengendalikan program untuk aktiviti kelab. 3. Memberi peluang kepada mahasiswa/i dalam merancang dan menggerakkan sesuatu aktiviti di samping mendidik sikap berdisiplin dan bekerjasama dalam diri mahasiswa/i. 	80 orang pelajar UMT
4.	Program Misi Kemanusiaan Lahad Datu Kelab MAR'C Sesi 2012/2013 Tarikh: 27 April 2013 Tempat: Kampung Nibong, Kuala Terengganu,	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalinkan hubungan dengan masyarakat di samping mempromosikan UMT. 2. Merapatkan hubungan dalam kalangan mahasiswa/i seterusnya bertindak sebagai medium kepada ahli-ahli kelab menimba pengalaman mengorganisasi dan mengendalikan program kelab. 3. Memupuk sikap prihatin terhadap isu-isu semasa dalam kalangan mahasiswa/i. 	
5.	Kempen Kesedaran Masalah Sosial Dikalangan Mahasiswa/ Mahasiswi Tarikh: 15 Mei 2013 Tempat: Dataran Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan kesedaran tentang kesan isu-isu sosial. 2. Mengeratkan hubungan silaturahim di antara mahasiswa/i serta dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan mereka. 3. Memupuk nilai-nilai murni dalam diri setiap mahasiswa/i seperti sikap prihatin, motivasi, jati diri, kasih sayang, perkongsian pengalaman baru dan rasa tanggungjawab. 	20 orang pelajar SMP (Pemasaran) yang mengikuti kursus Pemasaran Sosial (MGM 4301)
6.	Program Khidmat Komuniti Siswa UMT (ProKoSiswa) Tarikh: 18 Mei 2013 Tempat: Kg. Nibong, Kuala Terengganu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kesedaran kepada mahasiswa dalam memberi impak positif atas kewujudan universiti dan mahasiswa kepada komuniti setempat. 2. Memupuk ikatan kasih berkonsep "kejiranan" dalam kalangan penduduk setempat. 3. Menjalin hubungan di antara mahasiswa UMT. 	<ul style="list-style-type: none"> • 70 orang pelajar SMP (Pemasaran) • Penduduk Kg. Nibong • Penduduk Kg. Nibong Hilir • Penduduk Kg. Nibong Atas
7.	Delegasi UMT – UUM Kelab MAR'C Sesi 2012/2013 Tarikh: 23 – 25 Mei 2013 Tempat: Universiti Malaysia Terengganu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalinkan hubungan dua hala antara mahasiswa/i UMT dan UUM. 2. Memberi peluang kepada mahasiswa/i dalam merancang dan menggerakkan sesuatu aktiviti di samping mendidik sikap berdisiplin dan bekerjasama. 	80 orang pelajar UMT

Bil	Program	Keterangan	Peserta
8.	Seminar Penyelidikan CSD 2013 Tarikh: 14 Mac 2013 Tempat: Bilik Mesyuarat PSNZ, UMT	Kajian Pembangunan Lestari Wilayah Pantai Timur	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah • Penyelidik • Staf UMT • Pelajar Siswazah
9.	Seminar Penyelidikan dan Penerbitan CSD 2013 dengan kerjasama FPE Tarikh: 28 Ogos 2013 Tempat: Dewan Auditorium, FPE	Objektif utama seminar adalah untuk :- <ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkasakan pengetahuan mengenai penerbitan jurnal berwasit dalam kalangan pensyarah; 2. Memberi pendedahan mengenai isu-isu semasa dan perkembangan terkini dalam penyelidikan; 3. Membuka peluang kolaborasi diantara Universiti dan Universiti luar negara iaitu Griffith University. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah • Penyelidik • Staf UMT • Pelajar Siswazah
10.	Program Pendidikan Pemantapan Kerohanian Keluarga Miskin dan Miskin Tegar Teluk Ketapang, Kuala Terengganu Tarikh: 26 Sept 2013 Tempat: Balai Raya Kampung Teluk Ketapang	Objektif program adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenal pasti masalah dan keperluan keluarga miskin; 2. Merancang pelan pembangunan berdasarkan keperluan sebenar penduduk kampung; 3. Melaksanakan beberapa projek perintis untuk keluarga miskin; 4. Memantau serta menilai keberkesanan projek ke atas golongan sasar. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kg.Teluk Ketapang • UMT • UnisZA • MAIDAM • JKM • YPU • LKIM • Jabatan Perikanan • Homestay Teluk Ketapang • Pejabat Daerah Kuala Terengganu
11.	Program 'Financial Literacy' Tarikh: 7 Nov 2013 Tempat: Auditorium Mahyuddin, FPE	Objektif utama program adalah untuk: <ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkasakan 'financial literacy' dalam kalangan peserta; 2. Memberi pendedahan mengenai kemahiran menguruskan kewangan, penyediaan bajet dan pelaburan untuk diguna pakai dalam kehidupan seharian mereka; 3. Memberi pendedahan mengenai isu-isu semasa dalam pengurusan kewangan misalnya mengenai skim penipuan kewangan; 4. Menjadi program khidmat masyarakat yang selaras dengan objektif PTJ; dan 5. Membuka peluang kolaborasi di antara universiti dan industri iaitu SIDC. 	<ul style="list-style-type: none"> • 200 orang pelajar Sekolah Menengah di sekitar UMT • UMT • SIDC

Bil	Program	Keterangan	Peserta
12.	Program Sehari Bersama Besut Setiu Agropolitan (BSA) Tarikh: 24 Disember 2013 Tempat: Kg. Panchur Bederu, Setiu	Objektif program adalah untuk: 1. Satu platform untuk memperkenalkan UMT kepada komuniti BSA secara lebih dekat; 2. Mengeratkan hubungan silaturahim; 3. Mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara UMT dan pihak BSA.	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah • Kakitangan dan sukarelawan siswazah • Warga masyarakat BSA
13.	Inovasi Sosial Dalam Perkhidmatan Teksi Terengganu Tarikh: Mulai 1 Ogos 2013 sehingga 30 Julai 2015.	Objektif program adalah untuk : 1. Membentuk nilai dan inovasi sosial di kalangan pemandu teksi Negeri Terengganu; 2. Memperkasakan kemahiran berkomunikasi dalam berbahasa Inggeris bagi pemandu teksi kepada pelancong negeri Terengganu; dan 3. Pemindahan teknologi dalam bentuk aplikasi ICT dalam perkhidmatan teksi.	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah • Pemandu teksi Negeri Terengganu



Pemeteraian Memorandum Persefahaman

Menyedari pentingnya hubungan rapat dengan rakan-rakan industri, pelbagai usaha telah dilakukan oleh UMT dalam mengukuhkan jaringan industri. Pelbagai usaha sama telah dilakukan bertujuan untuk memanfaatkan kepakaran ilmiah, kemudahan, penyelidikan dan inovasi antara Universiti dengan rakan-rakan industri. Hubungan baik yang dilakukan dimeterai dalam bentuk Memorandum Persefahaman, di mana sebanyak lima Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai pada tahun 2013, seperti mana **Jadual 37**.

Jadual 37: MoU yang Telah Dimeterai Di Antara UMT dengan Agensi Luar.

Bil.	Nama Organisasi / Agensi
1	Kerajaan Malaysia (Diwakili oleh Jabatan Taman Laut Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar).
2	Kerajaan Malaysia (Jabatan Alam Sekitar)
3	Kerajaan Negeri Sarawak (Jabatan Pertanian Sarawak)
4	Sarawak Forestry Corporation Sdn. Bhd.
5	Sustainable Energy Development Authority of Malaysia (SEDA)

Forum Rakan Industri (FRI)

Forum Rakan Industri (FRI) merupakan program yang bertujuan memberi peluang kepada pelajar dan ahli akademik meningkatkan lagi pengetahuan serta menjalinkan kerjasama antara industri dan khususnya dengan universiti. **Jadual 38** menunjukkan rakan industri dalam Forum Rakan Industri UMT 2013.

Jadual 38: Senarai Penglibatan Rakan Industri dalam Forum Rakan Industri UMT 2013.

Rakan Industri
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Kementerian Luar Negeri, Malaysia

Perundingan dan Khidmat Nasihat

Sepanjang tahun 2013, UMT telah terlibat di dalam beberapa projek kajian, perundingan dan khidmat nasihat yang dijalankan bagi pihak komuniti dan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang lain. Projek ini secara tidak langsung menggunakan kepakaran penyelidik UMT dalam proses pemindahan ilmu kepada masyarakat. Sebanyak 36 projek perundingan dan khidmat nasihat yang telah dikenal pasti. Antaranya adalah seperti dalam **Jadual 39**.

Jadual 39: Senarai Projek Perundingan dan Khidmat Nasihat.

Bil	Nama Projek / Kajian	Agensi Terlibat
1	Projek Bimbingan Perniagaan Keropok Lekor oleh Ibu Tunggal	MAIDAM, UPEN
2	<i>Base Line on the Population Size and Foraging of Horseshoe Crab of Sabah</i>	Pusat Biodiversiti
3	Ternakan Udang di Kg. Sebatu, Sungai Rambai, Melaka	Persatuan Nelayan, Syarikat AMK Holding Sdn. Bhd.
4	Program Pembangunan Projek "Intergrated Lobster Aquaculture Park (iLAP)", NKEA	PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri, UPU, Jabatan Perdana Menteri, Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Perikanan Sabah dan Malaysian Biotechnology Corporation.
5	Program Pemindahan Ilmu untuk Teknologi Pembenihan ketam renjong melalui geran KTP (Knowledge Transfer Programme), JPT	Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia
6	<i>Consultation on Maintenance of Cell Lines for Fish Virus Isolation</i>	KLIA Fisheries Biosecurity Unit
7	Bahan Pengajaran Bahasa Inggeris Komunikatif	Sekolah Menengah Sultan Mahmud, Kuala Terengganu

**FAKULTI PENGAJIAN
MARITIM DAN SAINS MARIN**



TERAS 5

PEMANTAPAN CITRA

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



Seiring dengan aspirasi untuk melonjakkan UMT ke puncak kecemerlangan sebagai sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global dengan membawa misi untuk menjana ilmu demi kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam, UMT dari semasa ke semasa terus memperkasakan aktiviti pemantapan imej atau citranya. Sepanjang tahun 2013, UMT terus mengorak langkah menempa nama dalam kalangan institusi-institusi pengajian tinggi di arena kebangsaan mahupun global. Aktiviti pemantapan citra diterjemahkan melalui pelan strategik UMT 2013 – 2017, di mana Teras Citra merupakan satu di antara lima teras utama yang telah dirangka dalam usaha memaju UMT menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan bagi memastikan UMT terus relevan, unggul dan disegani.

“UMT komited dalam usaha memperkasakan imej dan identiti korporatnya bagi melonjakkan citra tempatan, menonjolkan citra kebangsaan dan memperkenalkan citra global”.

UMT telah melakukan pelbagai pengisian fizikal serta aktiviti yang menyokong kepada pembangunan dan penyebaran kecemerlangan untuk mendapat tempat di hati komuniti kebangsaan dan dikenali di peringkat global. Demi mencapai matlamat ini, UMT terus komited dalam usaha memperkasakan imej dan identiti korporatnya bagi melonjakkan citra tempatan, menonjolkan citra kebangsaan dan memperkenalkan citra global.

Pelbagai strategi telah digariskan meliputi aktiviti pemasaran, komunikasi dan hubungan awam yang proaktif bertujuan untuk menonjolkan imej UMT sebagai universiti berfokus marin yang terunggul. Untuk tujuan ini, peningkatan kemudahan prasarana; infrastruktur dan infostruktur bagi membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pengembangan ilmu serta kemasyarakatan terus diberi perhatian dan dimantapkan. Sebahagian daripada aktiviti yang dijalankan juga telah disebarkan kepada masyarakat umum melalui promosi dan publisiti menggunakan pelbagai media, lawatan serta pameran. Ini adalah di antara usaha berterusan yang telah dijalankan oleh UMT sepanjang tahun 2013 bagi memperkasakan imej UMT.


PROMOSI DAN PUBLISITI

Sepanjang tahun 2013, UMT terus menggiatkan program pembangunan imej melalui aktiviti promosi dan publisiti dengan memberi penekanan kepada tiga komponen sasaran utama, iaitu peringkat setempat meliputi Negeri Terengganu dan Pantai Timur, peringkat nasional dan peringkat antarabangsa atau global. Aktiviti ini diklasifikasikan kepada pameran dan lawatan, publisiti dalam media cetak dan media elektronik serta siaran di radio dan televisyen.

Pameran dan Lawatan

UMT telah menyertai 23 pameran anjuran pelbagai agensi kerajaan, swasta dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di dalam negara. Penyertaan dalam pameran merupakan medium dalam mempromosikan UMT kepada komuniti dan pelajar.


Rajah 7 menunjukkan penyertaan UMT dalam pameran dalam negara bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012.



Rajah 7: Perbandingan Penyertaan Pameran dalam Negara yang Dijalankan bagi Tahun 2013 dan Tahun 2012.

“Pemeriksaan Citra UMT melalui aktiviti promosi dan publisiti dengan penekanan kepada tiga komponen sasaran utama, iaitu peringkat setempat meliputi negeri-negeri Pantai Timur, peringkat nasional dan arena global”.

Penglibatan komuniti dan agensi luar, terutamanya pihak industri mampu memberi kesan yang signifikan kepada pembangunan imej UMT. Sehubungan itu, UMT sentiasa membina hubungan baik dengan agensi luar. Sepanjang tahun 2013, UMT telah menerima 25 lawatan dari agensi luar yang terdiri daripada sekolah, IPT, sektor kerajaan dan sektor swasta seperti mana ditunjukkan pada **Rajah 8**.



Rajah 8: Bilangan Lawatan ke UMT bagi Tahun 2013 dan 2012.


Selain promosi diperingkat dalam negara, KPM turut menggalakkan semua IPTA di seluruh Malaysia agar meningkatkan usaha-usaha ke arah meningkatkan imej pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa. Sehubungan itu, UMT juga berusaha ke arah melaksanakan aktiviti pengantarabangsaan dengan menyertai pelbagai persidangan antarabangsa, lawatan rasmi, program sangkutan di luar negara dan latihan industri untuk pelajar dengan matlamat untuk memasarkan nama UMT di peringkat global.

Secara keseluruhan, 29 buah negara telah dilawati oleh staf dan pelajar sepanjang tahun 2013 bagi tujuan promosi akademik, penyelidikan serta lawatan kerja atau strategik. **Jadual 40** menunjukkan negara yang telah dikunjungi sepanjang tahun 2013 dengan jumlah delegasi seramai 470 orang.

Jadual 40: Bilangan Lawatan Warga UMT ke Luar Negara.

Benua	2013	2012
Asia (Vietnam, Turki, Thailand, Taiwan, Sri Lanka, Singapura, Mesir, Laos, Korea, Jordan, Jepun, Iran, Indonesia, Filipina, Emiriyah Arab Bersatu, China, Brunei, Arab Saudi)	97	45
Eropah (United Kingdom, Slovenia, Sepanyol, Republik Czech, Portugal, Perancis, Belanda, Jerman, Itali, Ireland, Hungary, Greece, Denmark, Belgium, Austria)	26	18
Afrika (Tunisia, Mauritius)	2	-
Amerika Utara (Kanada, Amerika Syarikat)	8	1
Australia (New Zealand, Australia)	9	6
Antartika	1	-
JUMLAH	143	70

Rajah 9 pula menunjukkan rumusan pecahan kumpulan aktiviti ke luar negara pada tahun 2013 dan 2012. Bagi tahun 2013, persidangan dan lawatan rasmi merupakan aktiviti yang paling aktif disertai oleh delegasi UMT dengan peratusan sebanyak 46 peratus, di mana sebahagian besar persidangan dihadiri oleh ahli akademik.



Rajah 9: Pecahan Kumpulan Aktiviti Keluar Negara Bagi Tahun 2013 dan 2012.


Delegasi dan pelajar luar negara juga menunjukkan minat mereka untuk mengenali UMT dengan lebih dekat. Pelbagai program telah disertai oleh delegasi dan pelajar luar negara sepanjang tahun 2013. Perkembangan positif ini menunjukkan UMT sangat komited dalam agenda pengantarabangsaan, di mana pelbagai pelan aktiviti telah dirancang dengan matlamat untuk memasar dan menyebarkan nama UMT. **Jadual 41** menunjukkan maklumat kunjungan delegasi dari luar negara ke UMT.

Jadual 41 : Bilangan Lawatan dari Luar Negara ke UMT bagi Tahun 2013 dan 2012.

Benua	2013	2012
Asia (Vietnam, Timur Leste, Thailand, Taiwan, Sri Lanka, Singapura, Pakistan, Nepal, Myanmar, Maldives, Kuwait, Korea, Kemboja, Jepun, Iraq, Iran, Indonesia, India, Hong Kong, Ho Chi Minh, Filipina, China, Brunei, Bangladesh, Arab Saudi)	30	34
Eropah (United Kingdom, Scotland, Republik Czech, Rusia, Perancis, Belanda, Jerman, Hungary, Albania)	7	12
Afrika (Nigeria, Mauritius, Libya, Egypt, Afrika)	1	5
Amerika Utara (Kanada, Amerika Syarikat)	2	2
Australia (Australia, Fiji, Kiribati, Pulau Cook, Pulau Marshal, Pulau Solomon)	8	2
JUMLAH	48	55




Kunjungan delegasi luar Negara ke UMT dirumuskan mengikut kumpulan aktiviti seperti mana **Rajah 10**.



Rajah 10: Pecahan Kumpulan Aktiviti Lawatan Delegasi Luar Negara ke UMT.


Promosi Media

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 302 berita telah disiarkan melalui akhbar dan majalah dengan purata sebanyak 25 siaran setiap bulan. Siaran berita paling tinggi adalah pada bulan Mac 2013 seperti di **Rajah 11**. Umumnya, kekerapan siaran berita di akhbar dan majalah ini bergantung kepada bilangan program atau aktiviti yang telah dilaksanakan serta berdasarkan isu semasa. Siaran akhbar ini pastinya memberi kesan secara langsung kepada publisiti UMT.




Rajah 11: Bilangan Siaran Berita Berkaitan UMT dalam Akhbar Tempatan Mengikut Bulan bagi Tahun 2013 dan 2012.

Siaran akhbar sepanjang tahun 2013 merangkumi berita berkaitan hal-hal akademik, penyelidikan, aktiviti pelajar, pentadbiran dan kemasyarakatan. **Rajah 12** menunjukkan aktiviti penyelidikan mendominasi kekerapan paling tinggi dalam siaran akhbar pada tahun 2013 dengan jumlah sebanyak 70 siaran atau 23 peratus daripada keseluruhan bilangan siaran. Berita-berita yang dipaparkan telah membantu UMT dalam mempromosikan hasil kerja penyelidikan oleh penyelidik UMT. Pencapaian dan hasil penyelidikan yang dihasilkan dapat dihebahkan kepada masyarakat umum dan secara tidak langsung membina imej yang positif kepada UMT dalam kalangan masyarakat umumnya dan rakan industri khususnya.




Rajah 12: Bilangan Siaran Berita dalam Akhbar Tempatan Mengikut Pecahan Aktiviti bagi Tahun 2013.

Penggunaan media elektronik turut dipergiatkan sebagai medium publisiti. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 60 kali siaraya di radio dan televisyen nasional telah dilakukan melalui pelbagai saluran penyiaran. Taburan siaran setiap bulan adalah seperti dalam **Rajah 13** dengan bilangan tertinggi pada bulan Disember, iaitu sebanyak 10 siaran.



Rajah 13: Bilangan Siaran Berita Berkaitan UMT dalam Televisyen dan Radio Siaran Nasional Setiap Bulan bagi Tahun 2013 dan 2012.

Aktiviti penyelidikan dan kemasyarakatan mendapat liputan tertinggi dan diikuti oleh aktiviti akademik seperti mana ditunjukkan di **Rajah 14**. Ini menunjukkan bahawa aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik UMT adalah berkualiti dan berupaya mendapat liputan demi meningkatkan citra UMT.




Rajah 14: Bilangan Siaran Berita TV dan Radio Tempatan Mengikut Skop Aktiviti bagi Tahun 2013.

Majlis dan Program Rasmi

Pelaksanaan majlis atau program yang berkualiti bukan sahaja memberi impak yang positif kepada imej UMT, tetapi juga merupakan elemen penting dalam membantu meningkatkan reputasi universiti di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Pada tahun 2013, sebanyak 52 majlis rasmi Universiti telah dilaksanakan, seperti mana **Rajah 15**. Program yang diadakan termasuklah seminar, persidangan, syarahan awam, pelancaran buku, konvokesyen, majlis anugerah, majlis penghargaan dan lain-lain. Program yang dilaksanakan ini melibatkan warga UMT, jemputan luar kampus dan tetamu-tetamu kenamaan daripada agensi-agensi luar dari dalam dan luar negara.



Rajah 15: Bilangan Program yang Diadakan Sepanjang Tahun 2013 dan 2012.



Program yang dilaksanakan ini telah memberikan impak positif, seterusnya membantu melonjakkan nama dan citra UMT. Daripada 52 program yang dilaksanakan, 26 adalah program peringkat tempatan, 21 peringkat kebangsaan dan 5 peringkat antarabangsa seperti mana dalam **Jadual 42** dan **Jadual 43**.

Jadual 42: Program Peringkat Kebangsaan yang telah dilaksanakan oleh UMT pada Tahun 2013.

Bil.	Nama Majlis
1.	<i>Workshop on Marine Science and Ecosystem: "National Agenda – The Way Forward"</i>
2.	Majlis Ramah Mesra Kebolehpasaran Graduan IPTA Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Bersama Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin
3.	Youth Volunteer (MYV) Sempena Sambutan Muslim Youth Festival
4.	Hari Inovasi@UMT 2013
5.	Persidangan Kebangsaan Sumber Manusia IPTA (PESUMA)
6.	Sesi Dialog YB. Menteri Bersama Penerima dan Pemohon Dana R,D&C MOSTI bagi Zon Timur
7.	Majlis Dialog Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu Tinggi

Jadual 43: Program Peringkat Antarabangsa yang dilaksanakan oleh UMT pada Tahun 2013.

Bil.	Nama Majlis
1.	"The Fourth Summer School of IOC Sub-Commission for the Western Pacific (WESPAC) on Seagoos Pilot Project on "Monsoon Onset Monitoring and It's Socia; & Ecosystem Impacts (MOMSEI)"
2.	UMT 12 th International Annual Symposium (UMTAS 2013)
3.	2 nd Asean Consortium Department of Economics Conference 2013 (ACDEC 2013)

"Daripada 52 program yang dilaksanakan, 26 program adalah program peringkat kebangsaan, 5 peringkat antarabangsa dan 5 MoU baharu UMT pada tahun 2013".



PRASARANA FIZIKAL

Tumpuan aktiviti pembangunan pada tahun 2013 adalah difokuskan kepada penyiapan projek di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia serta pelaksanaan projek berskala kecil di bawah peruntukan mengurus. 10 projek sambungan RMKe-9 yang diluluskan di bawah RMKe-10 telah siap secara berperingkat mulai tahun 2010 - 2012. Sebanyak 8 projek berada di dalam proses penyediaan perakuan muktamad manakala 2 projek pula di dalam tempoh tanggungan kecacatan. Pada tahun 2013 terdapat satu sahaja projek yang masih di dalam peringkat pembinaan iaitu Pusat Islam yang dijangka siap pada 14 Mac 2014.



Nama Projek

PAKEJ 2D : Pusat Islam

Tarikh Mula

19/3/2012

Tarikh Siap Asal

15/9/2013

Status Pelaksanaan (Sehingga 31 Disember 2013)

Dalam pembinaan.

Tarikh Siap Semasa -
14 Mac 2014

Kemajuan kerja sebenar
berbanding jadual - 42% / 47%

Terimaan Geran Pembangunan


Pada tahun 2013, UMT telah menerima geran peruntukan sebanyak RM64,954,400.00 seperti mana dalam **Jadual 44**.

Jadual 44: Terimaan Geran Pembangunan Terkumpul Tahun 2013.

Perkara	Tahun 2013 (RM)	Baki Tahun 2012 (RM)	Jumlah (RM)
Geran Pembangunan	64,954,400.00	14,702,317.06	79,656,717.06

Perbelanjaan


Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak RM19,559,520.60 telah dibelanjakan untuk membiayai 11 buah projek pembangunan RMKe-10. **Rajah 16** menunjukkan pecahan belanja pembangunan mengikut agensi pelaksana.



Rajah 16: Pecahan Belanja Pembangunan Mengikut Agensi Pelaksana.

Peralatan Makmal, Pengajaran dan ICT

KPM telah meluluskan satu projek baharu dalam RMKe-10 (RP3) pada tahun 2013 iaitu peralatan makmal, pengajaran dan ICT dengan peruntukan sebanyak RM35 juta. Projek ini adalah untuk memenuhi keperluan peralatan bagi bangunan dan makmal baharu, pengajaran dan ICT. Sehingga 31 Disember 2013, hanya RM5.72 juta daripada peruntukan telah dibelanjakan manakala sejumlah RM26.87 juta masih dalam tanggungan dan pembekalan peralatan. **Rajah 17** menunjukkan peratus belanja dan tanggungan bagi peralatan makmal dan ICT.



Rajah 17: Peratus Belanja dan Tanggungan Bagi Peralatan Makmal dan ICT.

Pembangunan Kampus Lestari

Menyedari pentingnya mengekalkan keseimbangan dan pemuliharaan alam sekitar, telah mendorong UMT untuk memulakan konsep pembangunan kampus lestari mulai tahun 2013. Projek pembangunan dirancang dan dijalankan dengan mengambil kira aspek ini. Pada tahun 2013, sebanyak 6 buah projek dilaksanakan di bawah program pembangunan lestari. **Jadual 45** menunjukkan projek kampus lestari yang telah dilaksanakan.

Jadual 45: Projek Kampus Lestari 2013.

Projek	Kos Projek (RM)
Menaik taraf Laluan Pejalan Kaki Kepada Laluan Berbumbung daripada Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah ke Bangunan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (Kini Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim)	309,500.00
Membina dan Menyiapkan Tandas Bangunan Fakulti Sains dan Teknologi (Kini Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan)	101,500.00
Membina dan Menyiapkan Laluan Pejalan Kaki Berbumbung daripada Bangunan Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan ke Bangunan Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin	327,100.00
Membina dan Menyiapkan Jalan Serta Laluan Pejalan Kaki Berbumbung daripada Bangunan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (Kini Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim) ke Kompleks Kuliah Pusat	450,000.00
Kerja-Kerja Menaik taraf Pergola Sedia Ada Kepada Tempat Meletak Basikal Berbumbung di Bangunan Canselor	144,880.00
Membekal, Memasang dan Menyusun Tong Sampah Kitar Semula	48,930.00




Penggunaan Ruang Tersedia Bangunan Baharu RMKe-10

Bangunan baharu di bawah projek RMKe-10 yang disiapkan pada tahun 2012 telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 2013. Ruang berkenaan telah diisi untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penempatan pelbagai Pusat Tanggungjawab. **Jadual 46** dan **Rajah 18** menunjukkan peratus penggunaan ruang bangunan baharu.

Jadual 46: Peratus Penggunaan Ruang Bangunan Baharu.

Bil	Bangunan	Jumlah Ruang (M ²)	Penggunaan Ruang (M ²)	Peratus Penggunaan Ruang (%)
1	Pusat Pengajian Siswazah	4,273	2,863	67
2	FASM	15,346	10,742	70
3	FMSM	5,591	3,746	67
4	Kompleks Kuliah Pusat	10,198	9,178	90
5	Kompleks Makmal Pusat	7,587	4,173	55
6	Makmal FMSM	4,804	4,804	100
7	Bengkel FMSM	1,483	1,483	100
8	Hatchery AKUATROP	7,266	7,266	100



Rajah 18: Peratus Penggunaan Ruang di Bangunan Baharu.



Kemudahan untuk Pengajaran dan Pembelajaran

Jumlah kemudahan yang disediakan adalah kekal sebagai mana tahun sebelumnya seperti mana di **Jadual 47**. Walau bagaimanapun kapasiti ruang pembelajaran perpelajar menurun berikutan pertambahan pelajar pada tahun 2013 seperti mana dalam **Jadual 48**.

Jadual 47: Bilangan Kemudahan untuk Pengajaran dan Pembelajaran serta Kemudahan Asas Sehingga Tahun 2013.

Bil	Fasiliti	2013	2012
1.	Bilik Kuliah	76	76
2.	Bilik Makmal	232	232
3.	Bilik Mesyuarat	42	42
4.	Bilik Pensyarah / Pegawai	932	932
5.	Kafeteria	11	11
6.	Bank	1	1
7.	ATM	2	2
8.	Surau	3	3

Jadual 48: Ruang Pembelajaran Keseluruhan di UMT.

Ruang	Keluasan (m ²)	Bilangan Pelajar		Kapasiti / Muatan Sebenar (Nisbah Pelajar : Ruang)	
		Tahun 2013	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2012
Makmal Sains	20668	5789	4127	1 : 3.57m ²	1 : 5.0m ²
Makmal Sosial	5169	2933	3348	1 : 1.76m ²	1 : 1.54m ²
Ruang Kuliah	10,775	8722	7475	1 : 1.24m ²	1 : 1.44m ²

Nota:

Piawai pengiraan kapasiti adalah seperti berikut:

- Makmal Sains - 11m² : 1 pelajar
- Makmal Sosial - 7.9m² : 1 pelajar
- Ruang kuliah - 1m² : 1 pelajar



Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan, Kemudahan dan Utiliti

Perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan bangunan dan kemudahan pada tahun 2013 mengalami penurunan sebanyak 2% berbanding tahun 2012. Perbelanjaan utiliti pula meningkat sehingga 7%. Peningkatan ini adalah kerana penggunaan sepenuhnya beberapa bangunan projek RMKe-10 yang telah siap pada tahun 2012. **Jadual 49** menunjukkan belanja penyelenggaraan dan pembaikan bangunan, kemudahan serta belanja utiiti tahun 2013.

Jadual 49: Belanja Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan, Kemudahan Serta Belanja Utiliti Tahun 2013.

Perkara	Tahun 2013 (RM)	Tahun 2012 (RM)	Peningkatan / Penurunan (%)
Penyelenggaraan dan Pembaikan	5,505,014.70	5,632,942.19	-2
Utiliti	7,502,776.27	7,003,519.84	7

Projek Penyelenggaraan dan Pengubahsuaian

Beberapa projek penyelenggaraan dan pengubahsuaian telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 melibatkan kawasan sekitar kampus ditunjukkan dalam **Jadual 50**.

Jadual 50: Projek Penyelenggaraan dan Pengubahsuaian Tahun 2013.

Nama Projek	Kos Projek (RM)
Pengubahsuaian Pejabat Komunikasi Korporat dan Citra dan Pusat Pengurusan Bakat Akademik	154,875
Membaik pulih Tandas di Bangunan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (kini Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim) dan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah	188,250
Penggantian Tangki Air Utama Kolej Abdul Rahman Limbong	99,000
Menaik taraf Pergola di Bangunan Canselori	144,880
Menaik taraf Tempat Meletak Kereta di Kompleks Siswa	85,500
Membersih Sisa Kebakaran di Bangunan Canselori	178,000
Membaik pulih Longkang di Bangunan Canselori	105,000
Menurap Semula Permukaan Jalan di Fakulti Pembangunan Sosial	76,390
Membaik pulih Lapisan Kalis Air di Bangunan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah	94,500
Kerja-kerja Mencegah Hakisan Pantai	130,000



PRASARANA INFRASTRUKTUR


Pembangunan Sistem Aplikasi/ Modul

Teknologi maklumat berperanan penting dalam memperkasakan globalisasi sebagai satu fenomena sosial yang mampu membawa pendemokrasian ilmu pengetahuan. Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, UMT sentiasa meletakkan sasaran agar sistem penyampaian secara berkomputer dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi perkhidmatan universiti dan mempraktikkan amalan tadbir urus terbaik untuk kecemerlangan universiti. Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat (PPTM) selaku PTJ bertanggungjawab dalam membangunkan sistem aplikasi telah menunjukkan satu prestasi yang membanggakan apabila berjaya membangunkan 18 sistem atau modul pada tahun 2013 berbanding 10 sistem atau modul pada tahun 2012. **Jadual 51** menunjukkan sistem modul yang dibangunkan oleh PPTM sepanjang tahun 2013.

Jadual 51: Sistem atau modul yang dibangunkan oleh PPTM sepanjang tahun 2013.


Bil.	Sistem/ Modul
1.	Modul Tawaran Jawatan
2.	Modul e-Kenderaan
3.	Modul Lapor Diri
4.	Modul e-LNPT (Penambahbaikan)
5.	Modul Surat Jaminan Hospital (GL)
6.	Modul Penempatan Staf
7.	Modul Gaji dan Saraan
8.	Modul Buku Rekod Perkhidmatan (Fasa 1)
9.	Modul Kenaikan Pangkat
10.	Modul Klinik Panel (Fasa 2)
11.	Modul Pangkalan Data Marin Fasa 2
12.	Modul GCR
13.	Modul Sistem Pengurusan Mesyuarat
14.	Modul e-Senat
15.	Modul e-Borang
16.	Modul Pergerakan Staf
17.	Sistem Panggilan Nama Konvokesyen
18.	Sistem MyMedic

Universiti telah menyediakan kemudahan komputer sewa sebanyak 2,350 unit pada tahun 2013 berbanding 2,110 unit pada 2012 bagi memantapkan persekitaran dan membudayakan ICT untuk kegunaan staf dan pengajaran seperti mana yang ditunjukkan dalam **Rajah 19**.



Rajah 19: Bilangan Komputer 2013 Berdasarkan Pengagihan Makmal dan Staf.

Selain itu, perolehan sewaan baru telah dibuat dan pihak universiti bersetuju agar komputer sewaan dikategorikan kepada tiga spesifikasi komputer yang diagihkan mengikut keperluan dan kesesuaian PTj. **Rajah 20** menunjukkan bilangan komputer pada tahun 2013 berdasarkan model.



Rajah 20: Bilangan Komputer Pada Tahun 2013 Berdasarkan Model.

SUMBER ILMU

Perpustakaan merupakan sistem sokongan utama dalam proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan yang perlu dipertingkatkan prestasinya. Transformasi perpustakaan kepada Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PPDSNZ) merupakan usaha berterusan untuk memantapkan peranan perpustakaan sebagai gedung ilmu. Pada masa yang sama pembangunan kemudahan e-pembelajaran dibangunkan dan diurus bersama dengan pembangunan perpustakaan digital. Berikut menunjukkan aktiviti utama PPDSNZ.


<ul style="list-style-type: none"> • Memantapkan koleksi Perpustakaan Digital • Meningkatkan penggunaan bahan elektronik (e-journal, e-books, pangkalan data) • Memantapkan pendigitalan bahan 	PERPUSTAKAAN DIGITAL
<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan kursus aktif dalam sistem e-pembelajaran • Bilangan pensyarah aktif yang menggunakan e-pembelajaran • Bilangan pelajar menggunakan sistem e-pembelajaran 	e-PEMBELAJARAN

Perpustakaan Digital

Berdasarkan **Jadual 52** dan **Rajah 21**, didapati bahan *e-books* makin mendapat sambutan dalam kalangan pelanggan dan menyumbang kepada peningkatan peratusan pinjaman bahan.

Jadual 52: Koleksi dan Pinjaman Bahan PPDSNZ bagi Tahun 2013 dan 2012.

Bahan	Bilangan Koleksi (Naskah)		Bilangan Bahan Dipinjam	
	2013	2012	2013	2012
Buku Bercetak	90,567	89,557	31,924	51,143
<i>e-Books</i>	10,712	10,712	120,504	9,566
Bahan Sumber Media	10,306	10,140	249	143
Jurnal Langganan Bercetak	969	931	305	506
Jurnal Diterima Sebagai Hadiah	1,870	-	-	-
Langganan Pangkalan Data	20	24	-	-
Arkib	11,962	11,676	-	-
Tesis, Laporan Projek, Latihan Industri	8,082	3,404	-	-
Jumlah Keseluruhan	134,488	126,444	152,982	61,358
Peratusan Peningkatan (%)	5.98%		59.8 %	



Rajah 21: Bilangan Koleksi dan Pinjaman Bahan PPDSNZ bagi Tahun 2013 dan 2012.

“Bahan *e-books* makin mendapat sambutan dalam kalangan pelanggan dan menyumbang kepada peningkatan peratusan pinjaman bahan di Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah UMT”.



Penggunaan pangkalan data *Science Direct* dan *Scopus* telah dicatatkan paling tinggi sebanyak 163,703 dan 27,942 *searches run* sepanjang tahun 2013 seperti mana **Rajah 22** dan **Rajah 23**.



Rajah 22: Senarai Pangkalan Data Langganan PPDSNZ.



Rajah 23: Senarai Pangkalan Data Langganan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

“Penggunaan pangkalan data *Science Direct* dan *Scopus* oleh warga UMT telah dicatatkan paling tinggi sebanyak 163,703 dan 27,942 *searches run* sepanjang tahun 2013”.


e-Pembelajaran

Sistem LMS MyLearn yang telah digunakan sejak tahun 2010 telah dinaik taraf dan ditambah baik dengan ciri-ciri tambahan serta antara muka yang lebih mesra pengguna. Sistem e-Pembelajaran yang baharu ini telah diguna sepenuhnya bermula semester I sesi 2013/2014. UMT menggunakan LMS e-Pembelajaran ini sebagai platform utama dalam pengajaran dan pembelajaran seiring dengan transformasi baharu ke arah pembelajaran digital. **Rajah 24** menunjukkan laman utama Sistem e-Pembelajaran boleh dicapai melalui url epembelajaran.umt.edu.my/lentera/



Rajah 24: Laman Utama Sistem e-Pembelajaran Boleh Dicapai Melalui url pembelajaran.umt.edu.my/lentera/.

PPDSNZ telah mengadakan bengkel secara bersiri bagi menasarkn setiap pensyarah mempunyai bahan minimum kursus dalam e-Pembelajaran. Sebanyak 11 siri bengkel telah diadakan bermula April 2013 hingga Ogos 2013. Peratusan kursus yang aktif dan mempunyai bahan digital ini telah meningkat dengan terlaksananya bengkel asas secara bersiri ini sepertimana **Rajah 25**.



Rajah 25: Pengisian Maklumat Kursus dalam Penggunaan Sistem e-Pembelajaran.

Portal Bahtera Ilmu

Portal ini merupakan platform digital yang boleh membawa pengunjung portal melayari beberapa komponen digital, antaranya e-Buku, e-Jurnal, e-Pembelajaran, Komuniti Maya dan Carian Buku. Pelaksanaan Portal ilmu BAHTERA UMT ini dilihat dapat mengubah landskap pembelajaran dan pengajaran di UMT daripada bentuk fizikal kepada bentuk digital, dari bersifat lokal kepada lebih bersifat global.



Selain daripada itu, portal Bahtera Ilmu turut memaparkan status terkini pelaksanaan pembelajaran digital dalam bentuk graf. Graf ini menunjukkan statistik pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran digital melalui kuantiti e-silabus, e-buku dan e-jurnal yang disediakan dalam kursus yang ditawarkan di UMT. Bahan-bahan digital ini merupakan sebahagian daripada bentuk digital yang digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran masa kini di seluruh dunia.

Ruangan berita juga turut disertakan bagi memaparkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran bagi makluman kepada pengunjung portal. Kesemua komponen penting ini merupakan teras utama kepada Bahtera dan dilihat mempunyai potensi yang besar dalam aktiviti pengembangan dan pemindahan ilmu.

SUMBER MANUSIA

UNIVERSITI
MALAYSIA
TERENGGANU



Gelombang globalisasi dan teknologi menyebabkan pengurusan sumber manusia perlu menjadi lebih cekap bagi memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa berada pada peringkat yang terbaik. Kecekapan ini perlu sentiasa dijadikan amalan bagi mewujudkan tadbir urus yang cekap.

Perjawatan

Pada tahun 2013, UMT mempunyai 1,386 jawatan. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 1,312 atau 97% jawatan telah diisi. Kedudukan jawatan dan pengisian mengikut kumpulan adalah seperti di **Jadual 53** berikut:

Jadual 53: Pengisian Jawatan Mengikut Kumpulan Tahun 2013.

Kumpulan	Bilangan Jawatan	Pengisian	Kekosongan	Peratus Pengisian Tahun 2013	Peratus Pengisian Tahun 2012
Pengurusan Tertinggi	4	4	0	100%	100%
Akademik	484	419	65	87%	82%
Pengurusan dan Profesional (Guru)	17	17	0	100%	100%
Pengurusan dan Profesional	193	191	2	99%	98%
Sokongan	688	681	7	99%	99%
JUMLAH	1,386	1,312	74	97%	96%

Kelayakan Akademik Pensyarah

Pada tahun 2013 seramai 282 orang pensyarah UMT mempunyai kelulusan ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), iaitu 67% daripada jumlah keseluruhan pensyarah sepertimana **Jadual 54**.

Jadual 54: Peratus Pensyarah Berkelayakan Ph.D Tahun 2007-2013.

Tahun	Jumlah Pensyarah	Bilangan Pensyarah Berkelayakan Ph.D	Peratus (%)
2007	312	95	30
2008	332	112	34
2009	339	123	36
2010	361	146	40
2011	374	169	45
2012	395	227	57
2013	419	282	67

“Pada tahun 2013 seramai 282 orang pensyarah UMT mempunyai kelulusan ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), iaitu 67% daripada jumlah keseluruhan pensyarah”.

Bilangan pegawai akademik mengikut jawatan dan gred mengikut taraf lantikan serta bilangan pegawai akademik antarabangsa adalah seperti dalam **Jadual 55** dan **Jadual 56**.

Jadual 55 : Pengisian Pegawai Akademik Mengikut Taraf Lantikan 2013.

Jawatan	Gred	Tetap	Kontrak	Pinjaman	Sementara	JUMLAH
Profesor	VU4	-	1	-	-	1
	VU6	-	-	-	3	3
	VK5	3	1	-	-	4
	VK6	2	1	-	-	3
	VK7	12	6	-	-	18
Profesor Madya	DS54	51	-	1	-	52
	DS53	6	8	-	-	14
Pensyarah Kanan	DS52	85	-	-	-	85
	DS51	81	20	-	-	101
Pensyarah	DS45	138	-	-	4	142
Guru Bahasa	DG44	1	-	-	-	1
	DG41	16	-	-	-	16
JUMLAH		395	37	1	7	440

Jadual 56: Bilangan Pegawai Akademik (Antarabangsa).

Jawatan	Gred	Bilangan / Warganegara
Profesor	VK7	1 (Indonesia)
Profesor Madya	DS53	3 (1 - Filipina, 1 - India, 1 - Jepun)
Pensyarah Kanan	DS51	15 (3 - Indonesia, 1 - Vietnam, 1 - Iraq, 1 - Sudan, 1 - Pakistan, 1 - Nigeria, 1 - Kanada, 1 - Amerika Syarikat dan 5 - Bangladesh)

Kenaikan Pangkat

Sepanjang tahun 2013, seramai 43 orang staf telah dinaikkan pangkat berbanding 51 orang pada tahun 2012. Perincian bagi kenaikan pangkat staf mengikut kumpulan perkhidmatan ditunjukkan dalam **Jadual 57**, manakala senarai penuh kenaikan pangkat ditunjukkan dalam **Jadual 58**.

Jadual 57: Perbandingan Bilangan Kenaikan Pangkat Mengikut Kumpulan Perkhidmatan Tahun 2012 dan 2013.

Kumpulan	Jumlah Tahun 2013	Jumlah Tahun 2012
Akademik	28	48
Pengurusan dan Profesional	9	1
Pelaksana	6	2
JUMLAH	43	51

Jadual 58: Senarai Kenaikan Pangkat Tahun 2013.

Bil	Nama	Jawatan	PTJ
1	Profesor Emeritus Dr. Mohd Azmi bin Ambak	Pensyarah Universiti Gred Khas A (VK5)	Institut Akuakultur Tropika
2	Profesor Dr. Noor Azhar bin Mohamed Shazili	Pensyarah Universiti Gred Khas A (VK5)	Canselori
3	Profesor Dr. Mohd Lokman bin Husain	Pensyarah Universiti Gred Khas A (VK5)	Institut Oseanografi dan Sekitaran
4	Profesor Dr. Md Yazid bin Mohd Saman	Pensyarah Universiti Gred Khas B (VK6)	Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah
5	Profesor Dr. Nora'aini binti Haji Ali	Pensyarah Universiti Gred Khas C (VK7)	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Bil	Nama	Jawatan	PTJ
6	Prof. Madya Dr. Abdul Hanid bin Halit	Pensyarah Universiti Gred DS54	Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
7	Prof. Madya Dr. Safiek bin Mokhlis	Pensyarah Universiti Gred DS54	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
8	Prof. Madya Dr. Mohd Sukeri bin Mohd Yusof	Pensyarah Universiti Gred DS54	Pusat Pengajian Sains Asas
9	Prof. Madya Dr. Rokiah binti Kadir	Pensyarah Universiti Gred DS54	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
10	Prof. Madya Dr. Ahmad Shamsuddin bin Ahmad	Pensyarah Universiti Gred DS54	Institut Bioteknologi Marin
11	Prof. Madya Dr. Mohamad bin Awang	Pensyarah Universiti Gred DS54	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
12	Dr. Zuraini binti Anang	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
13	Dr. Shahnaz binti Ismail	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
14	Dr. Rosmayati binti Mohamad	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
15	Dr. Nurfadhline binti Abdul Halim	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
16	Dr. Ahmad Shukri Bin Mohd Noor	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
17	Dr. Ahmad Termimi bin Ab Ghani	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
18	Prof. Madya Dr. Ahmad Munir bin Hj Mohd Salleh (Embat)	Pensyarah Universiti Gred DS54	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
19	Dr. Che Mohd Imran bin Che Taib	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
20	Dr. Loh Saw Hong	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
21	Dr. Hanis binti Mohd Yusoff	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Sains Asas
22	Dr. Nur Farizan binti Munajat	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
23	Dr. Wan Norhayati binti Mohamed	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

Bil	Nama	Jawatan	PTJ
24	Dr. Mazidah binti Mohd. Dagang	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
25	Dr. Che Wan Ida Rahimah binti Che Wan Ibrahim	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pendidikan Asas dan Liberal
26	Dr. Nazli bin Aziz	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
27	Dr. Hasrizal bin Shaari	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
28	Awang Koding bin Che Tom	Pensyarah Universiti Gred DS52	Pusat Pendidikan Asas dan Liberal
29	Mohd Nor Shokri bin Abdul Rahman	Pegawai Tadbir Gred N54	Pejabat Pendaftar
30	Dr. Arnie binti A. Rahim	Pegawai Perubatan Gred UD54	Pusat Kesihatan Pelajar
31	Wan Abdul Manan bin Wan Abdullah	Pegawai Tadbir Gred N52	Pejabat Pendaftar
32	Adibah Hanim binti Abdul Rasid	Pegawai Tadbir Gred N52	Pejabat Pendaftar
33	Abdullah Syukri bin M. Saleh	Pegawai Tadbir Gred N48	Canselori
34	Rohaida binti Hj. Awang	Pegawai Tadbir Gred N48	Pejabat Pendaftar
35	Daeng Malis bin Ab Kahar	Pegawai Perubatan Gred UD48 (KUP)	Pusat Kesihatan Pelajar
36	Wan Zawati binti Wan Jaafar	Pegawai Tadbir Gred N44	Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
37	Noorasiah binti Moidu	Pegawai Tadbir Gred N44	Pejabat Pendaftar
38	Che Mohd Zan bin Husin	Pembantu Makmal Gred C22	Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
39	Rashidah binti Ab. Rashid	Pembantu Tadbir Gred N22 (KUP)	Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
40	Mahidawati binti Mamat	Pembantu Makmal Gred N22 (KUP)	Pusat Pengajian Sains Asas
41	Syed Ahmad Rizal bin Tuan Nek	Pembantu Makmal Gred N22 (KUP)	Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
42	Azmi bin Awang	Pembantu Am Pejabat Gred N4 (KUP)	Institut Akuakultur Tropika
43	Hanafi bin Abdullah	Pengawal Keselamatan Gred KP14	Pejabat Pendaftar

Peperiksaan Perkhidmatan

UMT telah melaksanakan dua siri peperiksaan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan, satu siri peperiksaan bagi tujuan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan dan satu siri peperiksaan bagi tujuan mendapat ganjaran/elaun iaitu Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK). Maklumat terperinci mengenai peperiksaan perkhidmatan yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 59**.

Jadual 59: Peperiksaan Perkhidmatan Bagi Tahun 2013.

Bil.	Perkara	Tarikh Peperiksaan	Bilangan Calon
1.	Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) Siri I Tahun 2013	9 April 2013	12 Orang
2.	Peperiksaan Perkhidmatan Ujian Menaip Kederasan 18 P.S.M Siri I Tahun 2013	10 April 2013	2 Orang
3.	Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)	23 September 2013	17 Orang
4.	Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) Siri I Tahun 2013	18 November 2013	6 Orang
5.	Peperiksaan Perkhidmatan Ujian Menaip Kederasan 18 P.S.M Siri II Tahun 2013	19 November 2013	2 Orang
6.	Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)	10 Disember 2013	19 Orang

Latihan

Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) yang diperkenalkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, mensasarkan semua pegawai mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh hari setahun. Sebanyak 54 program latihan telah berjaya dilaksanakan berbanding 70 program latihan pada tahun 2012, dengan pecahan latihan seperti di **Jadual 60**.

Jadual 60: Bilangan Latihan Mengikut Kategori bagi Tahun 2013 dan 2012.

Latihan	2013	2012
Kursus Wajib Universiti (Program Transformasi Minda)	1	5
Kursus Dalaman	32	46
Taklimat	21	19
JUMLAH KESELURUHAN	54	70

Berdasarkan pelaksanaan program latihan sepanjang tempoh 2013, seramai 1,064 orang staf dengan peratusan 80.79% telah mencapai sasaran tujuh hari latihan berbanding 1,219 orang staf (89.91%) pada tahun 2012. Pencapaian sasaran tujuh hari latihan mengikut kumpulan staf adalah seperti di **Jadual 61**.

Jadual 61: Bilangan Staf Mencapai Sasaran Tujuh Hari Latihan Mengikut Gred/Kumpulan.

Gred/ Kumpulan	Bilangan Staf	Hadir 7 Hari dan lebih
JUSA	26	17
Pengurusan dan Profesional (Akademik)	482	246
Pengurusan dan Profesional	227	187
Sokongan 1 (Gred 17-40)	610	479
Sokongan 2 (Gred 1-16)	188	135
JUMLAH KESELURUHAN	1,533	1,064 (80.79%)

Persidangan Luar Negara

Seramai 111 pegawai UMT telah menghadiri persidangan dan latihan di luar negara sepanjang tempoh 2013 yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM650,000.00 berbanding 90 pegawai pada tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak RM600,000.00.





Sangkutan Luar Negara

Seramai tujuh orang pegawai kumpulan pengurusan dan profesional bukan akademik telah mengikuti program sangkutan luar negara. Maklumat peserta yang mengikuti program sangkutan luar negara adalah seperti di **Jadual 62**.

Jadual 62: Senarai Peserta yang Mengikuti Program Sangkutan Luar Negara Tahun 2013.

Bil	Pemohon	PTJ	Lokasi	Tarikh
1.	Mohd Redhuan bin Mohd Noor Pegawai Sains	Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan	Writtle College, UK	14-27 Jun 2013
2.	Mohd Ihwan bin Zakariah Pegawai Sains	Institut Akuakultur Tropika	Institute for Veterinary Medical Research, Centre for Agricultural Research, Hungarian academy of Sciences	19 Jun -2 Julai 2013
3.	Masri Muda Jurutera	Pejabat Pembangunan dan Harta	Griffith University, Australia	23 Ogos - 5 Sept 2013
4.	Julias Yang Fu Siong Pegawai Sains	Institut Bioteknologi Marin	Dalhousie University, Canada	4-17 Okt 2013
5.	Suhana Muhammad Hanidun Pegawai Sains	Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan	University of Nottingham, UK	1-14 Nov 2013
6.	Norhafizah Mohd Suib Pegawai Tadbir	Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan	University of Hertfordshire, UK	23-30 Sept 2013
7.	Siti Tafzilmeriam Pegawai Sains	Institut Oseanografi dan Persekitaran	University Kagoshima, Japan	26 Okt - 8 Nov 2013

Cuti Belajar

Seramai 147 staf UMT sedang bercuti belajar. Daripada jumlah tersebut, 140 mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah, enam staf di peringkat Sarjana dan seorang lagi di peringkat Ijazah Pertama.

Seramai 44 staf UMT telah pulang melapor diri tamat pengajian bagi sepanjang tahun 2013. Pecahan mengikut kumpulan jawatan dan peringkat pengajian ditunjukkan di dalam **Jadual 63**.

Jadual 63: Jumlah Staf Cuti Belajar Mengikut Peringkat Pengajian.

Bil	Jawatan	Peringkat Pengajian		
		Doktor Falsafah	Sarjana	Ijazah Pertama
1	Pensyarah	56	-	-
2	Tutor	45	-	-
3	Fellow Akademik	-	-	-
4	Skim Latihan Akademik Muda (SLAM)	39	5	-
5	Pengurusan dan Profesional	-	1	-
6	Sokongan	-	-	1
Jumlah		140	6	1
JUMLAH KESELURUHAN		147		

Anugerah Kecemerlangan

Jumlah penerima anugerah mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 64**.

Jadual 64: Jumlah Penerima Anugerah Tahun 2013.

Bil	Kategori Pengiktirafan	Jumlah Penerima
1.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	125
2.	Anugerah Khas Naib Canselor i) Kategori Staf Cemerlang ii) Kategori Inovasi Pengurusan iii) Kategori Khidmat Komuniti Cemerlang	3 1 kumpulan 1
3.	Anugerah Kecemerlangan Sukan	69



Persaraan

Sepanjang tahun 2013 seramai tiga orang staf UMT telah bersara wajib dan tiga orang bersara pilihan. Senarai pesara tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 65**.

Jadual 65 : Senarai Pesara Tahun 2013.

Nama	Tarikh bersara	Jawatan	Gred	PTJ	Catatan
Abd Manan bin Mamat	1 Jan 2013	Pembantu Tadbir	N22	FST	Bersara Pilihan
Zakaria bin Ibrahim	1 April 2013	Pegawai Tadbir	N54	PEND	
Muhamad bin Ibrahim	1 Oktober 2013	Pembantu Laut	A17	FPAI	
To' Puan Wan Hafsa binti Wan Mohamad	8 Mei 2013	Pegawai Tadbir	N52	PEND	Bersara Wajib
Mohd Sarif bin Abd Manap	19 Mei 2013	Pensyarah Universiti	DS52	FST	
Abdul Rahim bin Ibrahim	20 Oktober 2013	Pensyarah Universiti	DS52	FMSM	

Staf dalam Kenangan

Pada tahun 2013, UMT telah kehilangan tiga orang staf yang meninggal dunia dalam perkhidmatan. Senarai staf adalah seperti di **Jadual 66**.

Jadual 66 : Senarai Staf Meninggal dalam Perkhidmatan Tahun 2013.

Nama	Tarikh Meninggal Dunia	Jawatan	Gred	PTJ
Gemulah Ahmadi bin Abd Ghawi	8 Jun 2013	Pengawal Keselamatan	KP14	PEND
Mendiang Choo Chee Kuang	9 Jun 2013	Pensyarah Universiti	DS45	FMSM
Gemulah Mohammad Zaidi bin Zakaria	20 November 2013	Pensyarah Universiti	DS52	FPAI

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Tahun 2013

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Kali Ke-9 telah diadakan pada 20 - 22 Mei 2013 bertempat di Universiti Utara Malaysia.

Kumpulan *Fast Forward* dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST) yang mewakili kategori pengurusan dan kumpulan *Synergy* dari Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PPDSNZ) yang mewakili kategori teknikal telah menyahut cabaran UMT untuk mengambil bahagian dalam pertandingan konvensyen tersebut. **Jadual 67** menunjukkan keputusan penarafan projek bagi kumpulan yang bertanding.

Jadual 67: Keputusan Penarafan Projek Konvensyen KIK Peringkat IPTA.

Bil	Nama kumpulan	PTJ	Tajuk projek	Pencapaian
1.	<i>Fast Forward</i>	FST	Kesukaran pemantauan laporan mesyuarat pengurusan fakulti	Gangsa
2.	<i>Synergy</i>	PPDSNZ	Kesukaran membawa buku ke tingkat atas jika lif rosak	Perak

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008

Sehingga Disember 2013, terdapat 12 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang merangkumi enam skop telah memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2008. Namun begitu, pada tahun 2013 hanya Jabatan Pengurusan Akademik dan enam fakulti telah melalui Audit Pensijilan Semula.

Setiap PTJ yang telah genap tiga tahun tarikh pensijilannya mesti melalui proses Audit Pensijilan Semula. Audit ini penting bagi memastikan pensijilan MS ISO setiap PTJ diteruskan, digantung pensijilan atau penarikan balik pensijilan.

Skop pensijilan bagi Jabatan Pengurusan Akademik dan enam fakulti yang melalui proses Audit Pensijilan Semula adalah:

- i. Pembentukan Program Pengajian Baharu;
- ii. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Diploma dan Prasiswazah.

Sukan dan Rekreasi

Sepanjang tahun 2013, pencapaian sukan staf UMT boleh dibanggakan apabila dinobatkan sebagai Johan Kejohanan Boling Padang Majlis Sukan Kakitangan Kerajaan (MAKSAK) Terengganu 2013 di mana pasukan staf wanita meraih pingat emas dalam kejohanan tersebut. Selain itu pasukan staf Boling Padang UMT kategori lelaki juga muncul Juara dalam Kejohanan Boling Padang MAKSAK Kebangsaan (Malaysia) 2013. Pasukan Boling Padang staf juga adalah salah sebuah pasukan yang paling digeruni dalam Negeri Terengganu.

Pasukan Golf Staf juga antara pasukan yang cemerlang dan telah berjaya menjadi juara dalam Kejohanan Golf Persahabatan 5 RRD dan UMT, SUKANUN 2013, Sukan Staf Antara IPTA 2013 dan kejohanan tertutup peringkat Negeri Terengganu. Selain itu, Pasukan Tenis Staf dan Pasukan Badminton Staf merupakan antara pasukan yang cemerlang dan mengharumkan nama UMT. Kedua-dua pasukan ini sentiasa menyumbang pingat dalam kejohanan utama seperti Sukan Badan-badan Berkanun (SUKANUN) dan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM). Seramai tiga orang staf telah berjaya mewakili Malaysia dalam Kejohanan Badminton Melayu Serumpun yang diadakan di Kuala Lumpur yang melibatkan Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia.

Jadual 68 dan **Jadual 69** menunjukkan pencapaian dan kejayaan yang diperolehi oleh staf sepanjang tahun 2013.

Jadual 68: Kejayaan Penglibatan Sukan di Kesemua Kejohanan Sepanjang Tahun 2013.

Bil	Program/Aktiviti	Pencapaian
1.	Kejohanan Tenis Tertutup Terengganu Siri 2.	Naib Johan dan tempat ketiga Kategori individu lelaki
2.	Kejohanan Boling Padang MAKSAK Peringkat Negeri Terengganu 2013	Johan - Pasukan Wanita
3.	Kejohanan Golf Persahabatan 5 RRD dan UMT	Johan
4.	Kejohanan Boling Padang MAKSAK Malaysia 2013	Johan - Pasukan Lelaki
5.	Kejohanan Badminton Piala Naib Canselor UUM 2013	Tempat ketiga
6.	Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun (SUKANUN) 2013	Golf - Emas Badminton - Gangsa Tenis - Gangsa

Bil	Program/Aktiviti	Pencapaian
7.	Kejohanan Tenis Tertutup Terengganu 2013	Single - Suku Akhir Double - Separuh Akhir
8.	Kejohanan Tenis Pantai Timur 2013	Single - Pusingan ke-3 Double - Naib Johan
9.	Kejohanan Sukan Staf IPTA 2013 (SUKUM - 38)	1 Emas, 3 Perak & 2 Gangsa
10.	Kejohanan Bola Tampar Staf MAKSAK	Johan

Jadual 69: Pencapaian Tertinggi Staf UMT.

Bil.	Nama Atlet	Acara	Pencapaian Tertinggi / Catatan
1	Mohd Fadzli bin Badaudin (Pen. Peg. Sukan)	Badminton	ASEAN (Naib Johan)
2	Najhan bin Ali (Pen. Jurutera)	Badminton	ASEAN (Naib Johan)
3	Mohd Shahril bin Mat Desa (Pembantu Tadbir)	Badminton	ASEAN (Ketiga)

PEMBANGUNAN PELAJAR

UNIVERSITI
MALAYSIA
TERENGGANU




Kursus Kokurikulum

Penglibatan pelajar dalam Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) merupakan salah satu platform dalam menghasilkan modal insan cemerlang dan pemimpin yang berketrampilan pada masa hadapan dengan penerapan elemen kemahiran insaniah dalam pembelajaran. Ia adalah berasaskan kepada teras utama KKB melalui pendekatan seperti berikut:

- i. Menerap dan mengamalkan prinsip kepemimpinan serta menitikberatkan disiplin dan kerjasama di dalam kumpulan atau organisasi.
- ii. Menyediakan platform kepada pelajar bagi mengasah dan mengembangkan bakat untuk faedah mereka sendiri khususnya dan untuk faedah komuniti amnya.
- iii. Memupuk semangat perpaduan dan integrasi di antara para pelajar yang berbilang kaum mengikut prinsip kebersamaan dan kekitaan.
- iv. Merealisasikan hasrat kerajaan menghasilkan graduan berdikari tanpa terlalu bergantung kepada sektor awam.


Rajah 26 menunjukkan jumlah pelajar yang mengikuti KKB yang ditawarkan pada tahun 2013 dan perbandingannya dengan tahun 2012.



Rajah 26: Perbandingan Jumlah Pelajar yang Mengikuti Kursus Kokurikulum Berkredit Pada 2013 dan 2012 Mengikut Komponen yang ditawarkan.

Badan Beruniform

Badan beruniform merupakan program *flagship* UMT dan terdapat empat pasukan badan beruniform elit iaitu Kor Sukarelawan Siswa Siswi Polis (SUKSIS), Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Laut (PALAPES) (L), Sukarelawan Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) dan Pasukan Simpanan Tentera Darat (WATANIAH). Penglibatan pelajar dalam kegiatan badan beruniform mampu membangunkan potensi sebenar pelajar, melahirkan pelajar yang berkualiti dan mempunyai nilai tambah yang bakal menjadi kayu pengukur kepada bakal majikan sebelum mengambil mereka bekerja kelak. **Rajah 27** menunjukkan jumlah aktiviti utama badan beruniform elit bagi tahun 2013.




Rajah 27: Jumlah Aktiviti Utama Badan Beruniform Elit UMT Tahun 2013.



Persatuan dan Badan Pelajar UMT


Sehingga tahun 2013, terdapat 101 persatuan dan badan pelajar yang berdaftar.

Rajah 28 menunjukkan kluster atau kumpulan persatuan dan badan pelajar.




Rajah 28: Kluster atau Kumpulan Bagi Persatuan dan Badan Pelajar UMT 2013.

Sebanyak 268 aktiviti persatuan dan badan pelajar telah dilaksanakan pada tahun 2013 dengan peruntukan sebanyak RM36,252.00. Seramai 4,963 pelajar terlibat dalam aktiviti persatuan dan badan pelajar seperti dalam **Rajah 29**.



Rajah 29: Bilangan Aktiviti Persatuan dan Badan Pelajar Mengikut Kluster Sepanjang Tahun 2013.

Aktiviti persatuan dan badan pelajar tertumpu kepada tujuh kategori utama seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 30**. Aktiviti yang berteraskan sosial mendahului bilangan kekerapan pelaksanaan diikuti oleh Kepimpinan, Khidmat Masyarakat, Sukan, AGM, Kebudayaan dan Kerohanian. Setiap tahun, pelbagai aktiviti ditambah bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.



Rajah 30: Jenis Aktiviti yang dilaksanakan oleh Persatuan dan Badan Pelajar.

Keusahawanan

Keusahawanan merupakan salah satu agenda utama di peringkat KPM bagi melahirkan usahawan siswazah yang berilmu dan berdaya saing. Pelbagai kejayaan telah dicapai pada tahun 2013 dalam pertandingan dan program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Perincian pencapaian dan kejayaan yang diraih dinyatakan dalam **Jadual 70**.

Jadual 70: Senarai Kejayaan dan Pertandingan yang Disertai Pelajar Tahun 2013.

Bil	Program/Aktiviti	Tarikh	Pencapaian/Kemenangan
1	Penyampaian hadiah "Hadiah Biz Plan Challenge" 2013	22 Januari 2013	Berjaya meraih tempat ke-5 dan membawa pulang hadiah sebanyak RM10,500.00.
2	Pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA peringkat Kebangsaan 2013	25 Februari 2013	<ul style="list-style-type: none"> Menang tempat ke-5 secara keseluruhan dan membawa pulang hadiah RM1,500.00. Menang CEO terbaik dan mendapat hadiah RM1,000.00.
3	Enactus Malaysia National Exposition (EMNE) 2013	7 – 10 Julai 2013	Berjaya mara ke peringkat separuh akhir.

Bil	Program/Aktiviti	Tarikh	Pencapaian/Kemenangan
4	Program Islamic Entrepreneurship Business Plan Competition 2013 sempena Konvokesyen Keusahawanan Islam kali ke sembilan 2013	28 September 2013	Berjaya ke peringkat akhir dalam pertandingan tersebut.
5	Program : Espriex Business Model Competition (ASEAN) di Universiti Brawijaya Malang, Indonesia	21-24 Februari 2013	Berjaya ke peringkat akhir dalam pertandingan tersebut.
6	Projek "Green Grow"		Mendapat peruntukan geran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia sebanyak RM16,330.00.
7	Projek "Fishbone"		Mendapat peruntukan geran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia sebanyak RM21,970.00.
8	Projek "TRI-O"		Mendapat peruntukan geran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia sebanyak RM16,425.00.



Sukan dan Rekreasi

Tahun 2013 mencatatkan pertambahan kejayaan berbanding tahun sebelumnya melalui kejohanan di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa. Sebagai Pusat Sukan Tumpuan Skuasy yang telah dilantik KPM, UMT telah banyak menganjurkan program untuk sukan Skuasy seperti penganjuran Sirkuit Skuasy IPT, *Grand Finale Skuasy IPT* serta kursus-kursus asas dan kepegawaian berkaitan dengan Skuasy.

Paling membanggakan apabila UMT akan menjadi jawatankuasa pelaksana kejohanan skuasy bertaraf dunia iaitu *World University Championship Squash 2016* (KL Squash 2016). Turut diraikan juga kejayaan dua orang pelajar UMT mewakili Malaysia ke Sukan SEA, Myanmar 2013.

Sukan pelajar tidak kurang hebatnya apabila berjaya membawa pulang dua pingat Emas, dua Perak dan tujuh Gangsa dalam Karnival Sukan MASUM 2013. Antara pasukan yang paling menyerlah adalah Sukan Rowing dan Sukan Woodball, di mana dua orang pelajar UMT dipilih mewakili Malaysia dalam Sukan Sea Myanmar 2013. Selain itu, beberapa orang pelajar juga telah berjaya mewakili Malaysia dalam Sukan Woodball ke Kejohanan Woodball Universiti ASEAN 2013. **Jadual 71** dan **Jadual 72** menunjukkan pencapaian dan kejayaan yang diperolehi oleh pelajar sepanjang tahun 2013.

Jadual 71: Kejayaan Penglibatan Sukan di Kesemua Kejohanan Sepanjang Tahun 2013.

Bil	Program/Aktiviti	Pencapaian
1.	Karnival Sukan MASUM 2013	2 pingat emas, 2 perak, dan 7 gangsa dan berada ditangga ke 16 daripada keseluruhan 20 IPTA yang bertanding
2.	Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi-4	1 Perak - Silat olahraga kelas F putra 1 Gangsa - Silat Olahraga Kelas H putra
3.	Kejohanan Sukan <i>Air Head of Putrajaya</i> (Rowing dan <i>Dragon Boat</i>)	Peringkat Kebangsaan 2 Pingat Gangsa
4.	Kejohanan Varsity Boat Race 2013 -Putrajaya	Peringkat Antarabangsa. 1 Perak & 1 Gangsa
5.	Kejohanan Perahu Panjang & Kayak Sempena <i>Monsoon Cup</i> 2013 - Pelajar (Pulau Duyong, Terengganu)	Tempat Ke-3 dan Ke-4
6.	Kejohanan Tennis Piala NC UMT 2013 (Gelanggang Tennis UMT)	Terbuka - UMT Naib Johan IPTA - UMT Johan

